

BAB II

ULASAN TENTANG BEBERAPA KARYA TERPILIH DAN KAJIAN-KAJIAN YANG BERKAITAN

2.0 Pengenalan

Bab ini bertujuan untuk menentukan latar teoritis bagi kajian yang dikemukakan dalam tesis ini. Dalam bab ini beberapa ulasan karya yang terpilih dan definisi pemerolehan bahasa akan dihuraikan. Kedua-dua perkara tersebut dihuraikan dalam fasal 2.1. Dalam fasal 2.2, perbincangan akan tertumpu tentang beberapa teori yang mendasari pemerolehan bahasa. Walau bagaimanapun perbincangannya dalam fasal 2.2 ini lebih tertumpu kepada dua teori utama iaitu teori behaviourisme dan teori mentalisme. Juga yang akan dibincangkan dalam bab ini khususnya dalam fasal 2.3 ialah dapatan kajian-kajian terdahulu tentang pemerolehan bahasa kanak-kanak. Fasal 2.4 akan merumuskan keseluruhan bab ini.

2.1 Definisi Pemerolehan Bahasa

Dalam menghuraikan definisi pemerolehan bahasa, terdapat dua unsur yang perlu diambil kira dalam ungkapan tersebut iaitu pemerolehan dan bahasa. Pertama yang perlu dihuraikan adalah maksud bahasa. Dalam bab ini huraian tentang bahasa adalah dipetik daripada pandangan sarjana lain selain daripada pandangan Chomsky, Asmah dan Harimurti Kridalaksana seperti dalam bab I.

Wilhem Von Humbolt seorang sarjana linguistik Jerman abad ke-19 menganggap bahasa adalah sebagai sentesis daripada bunyi yang dibentuk oleh unsur luaran dan daripada fikiran yang dibentuk oleh unsur dalaman. Tetapi menurut Ferdinand de Saussure iaitu seorang sarjana Swiss awal abad ke-20, mengatakan

bahawa bahasa adalah sebagai satu sistem isyarat yang mempunyai bahagian terpenting dan ia mengandungi gabungan erti dengan bunyi. Kedua-dua unsur tersebut iaitu erti dan bayangan bunyi adalah bersifat psikologi. Oleh yang demikian Ferdinand de Saussure (1915) telah mendefinisikan bahasa sebagai satu pertuturan (*parole*) dan penulisan (*langue*). Menurutnya lagi kedua-dua unsur tersebut mempunyai sistem dan normanya yang tersendiri.

Di samping Humbolt dan Saussure, Charles F. Fockett iaitu seorang sarjana linguistik Amerika abad ke-20, melihat bahasa itu sebagai satu sistem tabiat yang sangat rumit. Pandangan Charles F. Fockett tersebut adalah disandarkannya kepada teori psikologi behaviourisme. Rakan sebenua dengan Fockett iaitu John B. Carroll pula mengatakan bahawa bahasa itu adalah sebagai satu sistem berstruktur daripada bunyi vokal dan urutan bunyi-bunyi yang dipakai dalam komunikasi antara individu. Tetapi apabila kita membandingkan pandangan-pandangan tersebut dengan pandangan Chomsky (1957), Chomsky melihat bahasa itu adalah sebagai sejumlah kalimat yang tidak terbatas dan sebagai alat untuk berkomunikasi .

Seorang lagi sarjana linguistik yang terbilang iaitu Edward Sapir (1970:2) dalam bukunya *Culture, Language and Personality* mengatakan bahawa bahasa adalah seperti berikut:

"... a system of phonetic symbols for the expressions of communicable thought and feeling.... the symbols of language are differentiated product of vocal behaviour which is associated with the larynx of the higher mammals."

Dalam bukunya yang berjudul *An Introduction to the Study of Speech*, Edward Sapir (1921) menekankan bahasa adalah sebagai lambang-lambang pertuturan yang

digunakan oleh manusia secara arbitrari. Daripada definisinya sebagaimana yang dipetik di atas, Sapir melihat bahasa itu sebagai satu simbol fonetik yang merupakan media untuk berkomunikasi. Pandangan Edward Sapir itu jika kita bandingkan dengan pandangan Bloch dan Tragger (1942), ia jelas memperlihatkan kepada kita terdapatnya unsur-unsur yang hampir sama. Menurut Bolch dan Tragger bahawa bahasa itu adalah sebagai satu sistem lambang bunyi (pertuturan) yang arbitrari. Ia digunakan oleh sesebuah masyarakat untuk berkomunikasi. Kedua-dua pandangan tersebut menekankan aspek sistem perlambangan sebagai definisi bahasa dan juga aspek arbitrari serta fungsi bahasa tersebut.

Tetapi Bloomfield (1935) dalam bukunya yang berjudul *Language*, telah mendefiniskan bahasa sebagai sesuatu yang dituturkan atau diujarkan oleh seseorang individu. Manakala Bolinger (1968:12) dengan nada tegas mendefinsikan bahasa sebagai berikut:

"Human language is a system of vocal auditory communication using conventional signs composed of arbitrary patterned sound unit and assemble according to set rules, interacting with the experience of its users."

Pandangan Bolinger jika kita bandingkan dengan pandangan Edward Sapir dan Bloch dan Tragger juga mempunyai persamaan yang rapat kecuali diuraikan dalam cara yang berbeza. Oleh yang demikian jika kita amati definisi yang disarankan oleh tokoh-tokoh tersebut di atas, semuanya mempunyai maksud yang sama tetapi diuraikan dalam cara yang berlainan.

Secara keseluruhannya bolehlah disimpulkan definisi bahasa itu adalah sebagai satu lambang pertuturan yang arbitrari yang digunakan oleh manusia untuk

berhubung di antara satu sama lain. Dengan menggunakan bahasa manusia dapat menyatakan hasrat, perasaan dan fikiran mereka. Tetapi bahasa dengan linguistik adalah sesuatu yang tidak dapat disamakan. Kedua-duanya berbeza dari segi maksud. Menurut Wardhaugh (1972:213) bahawa linguistik berbeza dengan erti bahasa kerana linguistik itu adalah satu kajian saintifik tentang bahasa.

Pemerolehan bahasa dan pembelajaran bahasa adalah dua istilah yang saling berkaitan di antara satu sama lain. Walaupun kedua-duanya berlaku dalam masa yang hampir serentak, terdapat perbezaan yang jelas di antara keduanya. Pemerolehan bahasa lebih menumpukan kepada penguasaan bahasa ibunda manakala pembelajaran bahasa pula adalah merujuk kepada penguasaan bahasa kedua. Oleh kerana pemerolehan bahasa lebih menumpukan kepada penguasaan bahasa pertama maka pemerolehan bahasa kanak-kanak itu adalah bermaksud penguasaan bahasa pertama di kalangan kanak-kanak. Apabila kita membicarakan tentang penguasaan bahasa pertama, maka ia merujuk kepada bahasa ibunda yang dikenalkan atau didedahkan kepada seseorang kanak-kanak sejak dia dilahirkan. Dalam konteks ini bahasa pertama diperolehi oleh seseorang itu adalah melalui proses pemerolehan bahasa dan ia berlaku sejak seseorang itu masih dalam kandungan lagi. Oleh yang demikian maka persoalan yang dimaksudkan dengan pemerolehan bahasa adalah yang berkaitan dengan penguasaan bahasa ibunda atau bahasa pertama kanak-kanak.

Menurut Mangantar Simanjuntak (1987) pemerolehan bahasa ialah satu proses yang berlaku dalam otak seseorang individu yang melibatkan perlakuan (*performance*) dan kecekapan (*competence*). Apabila Mangantar Simanjuntak mengaitkan pemerolehan bahasa dengan aspek perlakuan, ini bermakna dalam proses

pemerolehan bahasa maka akan berlakulah aktiviti-aktiviti seperti mengamati, memahami dan menerbitkan ujaran pada diri seseorang itu. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah yang membentukkan kebolehan linguistik di kalangan individu. Tetapi apabila beliau mengaitkan aspek kecekapan dengan proses pemerolehan bahasa, maka ini bermakna ia akan melibatkan pengetahuan tatabahasa yang dikuasai oleh seseorang individu. Oleh yang demikian secara keseluruhannya bahawa pandangan Mangantar Simanjuntak (1987:158) tentang pemerolehan bahasa adalah sebagai satu proses penuranian tatabahasa ibunda bagi seseorang kanak-kanak.

Berdasarkan beberapa pandangan tersebut di atas maka jelaslah bahawa pemerolehan bahasa adalah merujuk kepada penguasaan bahasa ibunda di kalangan kanak-kanak. Proses tersebut berlaku secara tidak disedari oleh seseorang individu. Oleh kerana pemerolehan bahasa juga merupakan proses penuranian tatabahasa ibunda seseorang individu maka pemerolehan bahasa akan meliputi pemerolehan fonologi, pemerolehan sintaksis dan pemerolehan semantik bahasa ibunda atau bahasa pertama seseorang individu. Ketiga-tiga elemen tersebut diperolehi oleh seseorang individu ke atas bahasa pertamanya secara serentak dan bukan secara berasingan atau terpisah-pisah (*segmented*). Ia juga berlaku secara berperingkat-peringkat mengikut turutan perkembangan seseorang individu tersebut.

2.2 Asas-asas Teori Pemerolehan Bahasa

Dalam membicarakan asas-asas teori pemerolehan bahasa, pengkaji akan memokuskan perbincangannya ke atas teori-teori yang menerapkan proses atau cara seseorang manusia memperoleh bahasa. Menurut Mangantar Simanjuntak (1982:5) bahawa minat terawal manusia dalam lapangan ini telah bermula sejak zaman Panini

(abad ke 5 S.M), Socrates (469-399 S.M), Plato (429-348 S.M) dan Aristotle (384-322 S.M). Tetapi menurut Asmah (1992) bahawa kajian bahasa adalah bermula dari zaman Plato yang telah menganalisiskan bahasa dari sudut falsafah.

Pandangan Mangantar Simanjuntak dan Asmah tentang kajian terawal tentang bahasa dan pemerolehan bahasa memperlihatkan perbezaan yang tidak begitu ketara. Mangantar Simanjuntak melihat minat terawal manusia dalam lapangan bahasa berlaku sejak dari zaman Panini tetapi Asmah melihat permulaan kajian tentang bahasa itu berlaku pada zaman Plato. Walau apapun yang disarankan oleh kedua tokoh terkemuka tanah air ini, mesej yang jelas ialah persoalan tentang bahasa, kewujudan bahasa, sifat-sifat bahasa dan pemerolehan bahasa yang sememangnya merupakan satu persoalan yang bukan hanya bermula pada zaman kontemporari tetapi telah berlaku sejak zaman sebelum masih lagi.

Walau bagaimanapun pada zaman sesudah Yunani, kajian tentang pemerolehan bahasa, penguasaan dan rumus bahasa berkembang dengan begitu pesat. Pelbagai pandangan oleh para sarjana telah muncul berhubung pemerolehan bahasa. Puncak daripada polemik tersebut muncullah beberapa teori tentang pemerolehan bahasa. Di antara teori-teori tentang pemerolehan bahasa kanak-kanak termasuklah Teori Struktural Sejagat : Jakobson; Teori Behaviouris : Mowre, Olmsted; Teori Generatif-Struktural : Moskowitz; Teori Proses Fonologi Alamiah : Stample; Teori Prosodi-Aukustik : Waterson; Teori Persepsi Penuh Logogen : Smith; Teori Pemerolehan Leksikon; Teori Kontras dan Proses : Ingram; dan Teori Penemuan atau Pemecahan Masalah : Menn dan Kiparsky (Mangantar Simanjuntak, 1983:48-111). Semua teori berhubung pemerolehan bahasa tersebut mempunyai hujah dan

pentafsiran yang tersendiri dan berupaya untuk menyokong dasar yang menjadi pegangan atau gagasan masing-masing.

Walaupun teori-teori tersebut di atas banyak membicarakan persoalan pemerolehan bahasa, namun secara empirikal terdapat dua teori utama yang menjadi dasar utama dalam teori pemerolahan bahasa manusia. Terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa ada tiga teori dalam pemerolehan bahasa terutamanya Teori Mekanis atau Teori Behaviourisme, Teori Mentalisme atau Teori Kod Kognitif dan Teori Interaksionalis. Tetapi secara umumnya hanya Teori Mekanis atau Teori Behaviourisme dan Teori Mentalisme atau Teori Kod Kognitif adalah yang paling utama. Teori yang pertama iaitu Teori Behaviourisme mempertahankan bahawa bahasa manusia itu diperolehi secara dipelajari. Golongan teori ini mengatakan bahasa ialah sebagai satu proses perilaku dan mementingkan satu rangkaian turutan sebab dan kesan. Golongan teori ini menganggap bahasa itu adalah sebagai hasil operasi rangsangan dan gerak balas yang semata-mata bergantung pada ciri-ciri nalariah yang ada pada setiap manusia. Juga teori ini menganggap bahawa persekitaran adalah sebagai rangsangan manakala tindak balas yang berlaku terhadap rangsangan itu adalah sebagai satu proses gerak balas.

Teori Mentalisme menolak sama sekali pandangan teori pertama dengan mengatakan bahawa bahasa adalah sebagai pengetahuan yang dihasilkan oleh proses mental. Golongan ahli teori ini melihat bahasa itu sebagai satu aktiviti mental yang merupakan satu anugerah semula jadi bagi setiap manusia. Manusia menurut golongan ini dilahirkan dengan satu anugerah semula jadi dengan Alat Penguasaan Bahasa atau *Language Acquisition Devices* (LAD). Dengan adanya alat semula jadi

tersebutlah manusia mempunyai kebolehan untuk menguasai bahasa. Malah golongan ini beranggapan sekiranya seseorang kanak-kanak itu didedahkan dengan sesuatu persekitaran bahasa, mereka mampu untuk merumus dan membentuk ayat-ayat mengikut sistem bahasa yang mereka peroleh dengan menggunakan keupayaan mental mereka. Pendek kata bahawa pemerolehan bahasa di kalangan manusia itu bukan disebabkan oleh faktor rangsangan dan gerak balas seperti yang disarankan oleh golongan behaviourisme tetapi adalah sebagai hasil daripada tindakan mental manusia.

Selain daripada itu Skinner (1972:1), sebagai seorang pendokong kuat Teori Behaviourisme juga telah mengemukakan teori *verbal behaviour* atau teori perilaku bahasa. Menurut Skinner bahawa bahasa verbal itu lahir daripada perlakuan yang menghasilkan pola-pola bunyi tertentu yang kemudiannya menggerakkan seseorang itu untuk melakukan sesuatu. Skinner sebenarnya cuba melihat bahasa verbal itu sebagai sesuatu yang tidak terkecuali daripada unsur rangsangan dan gerak balas. Teori Skinner tersebut menekankan bahawa bahasa itu adalah sebagai satu perilaku dan manusia banyak belajar melalui pengalaman daripada otaknya. Malah kajian bahasa menurut Skinner bukanlah sesuatu yang melibatkan persoalan mental secara langsung tetapi ia mementingkan kalimat-kalimat yang dapat diukur sedangkan mental sukar untuk diukurkan. Kalimat-kalimat inilah bagi Skinner sebagai tingkah laku yang secara langsung dapat diamati dan diukurkan.

Menurut Abdullah Hassan (1989:255) Skinner sebenarnya beranggapan bahawa pemerolehan bahasa adalah sebagai satu lakuan yang terjadi melalui tingkah laku. Seterusnya Abdullah Hassan mengatakan bahawa Skinner melihat kemampuan

bertutur di kalangan manusia itu adalah sebagai satu laku manusia seperti lakuannya yang lain. Dengan perkataan lainnya manusia belajar bahasa samalah seperti mereka belajar perkara-perkara yang lain. Sebab itu dalam satu kenyataan yang dibuat oleh Awang Mohd.Amin (1979:4), bahawa Skinner membuat anggap seperti itu kerana beliau melihat bahasa hanya dikuasai melalui proses pemelajaran secara tidak formal dan secara formal.

Di samping Skinner, Bloomfield juga berpendapat bahawa bahasa adalah sebagai satu bentuk tingkah laku manusia dan ia sama dengan tingkah laku manusia yang lainnya. Menurut Bloomfield (1973:26) sekiranya tingkah laku manusia yang lain berpunca daripada rangsangan, bahasa dapat dilahirkan dengan ada rangsangan tersebut. Oleh yang demikian pemerolehan bahasa dan penguasaan bahasa adalah sebagai satu kebiasaan yang diperolehi dengan pengulangan aktiviti yang hendak dikuasai malah bahagian bahasa itupun seperti kalimat-kalimat yang diperolehi adalah melalui rangsangan dan gerak balas dan produksi secara mekanis (Kamarudin Hj. Husin, 1986:13).

Pandangan Bloomfield tersebut jelas melihat bahasa manusia itu sebagai sejumlah isyarat yang berupa unsur-unsur bunyi dan yang dikenali sebagai bentuk lingusitik. Bagi Bloomfield makna adalah sebagai hasil cetusan fikiran dan perasaan manusia dan ia dianggap kurang penting. Ini adalah kerana Bloomfield melihat bahasa itu adalah tidak lebih daripada sistem bentuk dan bukan sebagai satu himpunan makna yang menjadi simbol pemikiran (Raminah Hj.Sabran dan Rahim Syam, 1985:18).

Teori Mentalisme seperti yang diraikan terlebih awal lagi jika kita bandingkan dengan pandangan Skinner dan Bloomfield tersebut ternyata tidak sejalan. Apabila Teori Behaviourisme menolak fungsi otak dalam pemerolehan bahasa, teori mentalisme melihat pemerolehan bahasa tidak dapat dipisahkan dengan peranan otak. Golongan teori ini secara lantang mengatakan bahawa pemerolehan bahasa semestinya melibatkan proses pemikiran dan bukan sekadar satu pembentukan kebiasaan yang mementingkan latihan dan ulangan (Kamarudin Hj.Husin, 1966:109).

Sebagai contoh Jean Piaget iaitu seorang ahli psikologi yang mendokong kuat dengan pegangan Teori Mentalisme menyarankan perkembangan kognitif kanak-kanak berlaku melalui empat peringkat. Chomsky (1957:13) mengatakan bahawa bahasa dalam diri manusia itu adalah sesuatu yang dinurani. Kanak-kanak memperoleh bahasa itu kerana bahasa itu sudah terancang untuk berkembang dalam diri mereka secara biologis. Malah beliau secara tegas mengatakan bahawa manusia sejak dilahirkan sudah mempunyai kebolehan memperolehi sistem perhubungan kerana secara semula jadi manusia telah dianugerahkan oleh tuhan kepadanya alat untuk menghasilkan bahasa yang dikenali sebagai *Language Acquisition Devices*. Dengan pandangan tersebut maka jelaslah bahawa golongan mentalis menganggap bahawa kanak-kanak sebenarnya telah dibekalkan dengan nurani berbahasa ataupun *innate capacity* yang berpusat dalam LAD. Secara berani dan menggalakkan ialah apabila Chomsky kemudiannya mengetengahkan teori *cognitive universality* atau teori kesejagatan kognitif berhubung pemerolehan bahasa manusia.

Oleh kerana pemerolehan bahasa meliputi pemerolehan fonologi, sintaksis dan semantik maka perbincangan tentang pandangan dua teori besar ini adalah lebih

sesuai dibicarakan dari perspektif tersebut. Pertama kita lihat dari aspek pemerolehan fonologi dari kaca mata Teori Behaviourisme dan Teori Mentalisme. Menurut Teori Behaviourisme bahawa perkembangan penguasaan sistem fonologi adalah sebagai hasil secara langsung daripada perkembangan sistem kognitif dan kemajuan interaksi psikososial di kalangan kanak-kanak dengan persekitarannya. Menurut Skinner oleh kerana manusia secara semula jadi mempunyai alat-alat biologis yang bersfungsi untuk menghasilkan bunyi (bahasa) maka dapatlah manusia menggunakan bunyi (bahasa) tersebut untuk berkomunikasi di antara satu sama lain. Bruner (1975) dan Bates (1976) menegaskan fonem-fonem vokal dan konsonan yang dikuasai oleh kanak-kanak adalah hasil daripada pemerhatian dan peniruan yang mereka lakukan terhadap persekitarannya. Kanak-kanak memerhati dan meniru orang dewasa lain yang berada di sekeliling mereka. Pada peringkat awalnya kanak-kanak tidak dapat meniru semua fonem dan konsonan. Kanak-kanak akan hanya mengujar fonem-fonem yang pernah didengar oleh mereka.

Apabila golongan ini menekankan faktor peniruan dan pemerhatian dalam pemerolehan sistem fonologi, maka proses rangsangan dan gerak balas berlaku secara aktif pada diri seorang kanak-kanak tersebut. Orang dewasa adalah sebagai pemberi rangsangan bahasa yang mudah ditiru, manakala kanak-kanak pula akan memberi gerak balas melalui cuba jaya dan akhirnya menguasai bunyi bahasa itu dengan betul.

Chomsky (1957) menyanggah habis-habisan pandangan Skinner tersebut kerana menurutnya peranan kognisi yang ada pada mental atau otak manusia menjadikan bahasa yang dihasilkan itu bersifat kreatif dan tidak terbatas. Sekiranya pemerolehan bahasa dari segi fonologi seperti yang dinyatakan oleh Skinner melalui

pemerhatian dan peniruan maka unsur-unsur kreativiti dalam bahasa dari segi fonologinya tidak mungkin wujud. Pandangan Chomsky tersebut banyak logiknya kerana jika benar bahasa itu terhasil sebagai interaksi manusia dengan persekitarnya semata, maka kreativiti bahasa dari segi fonologi atau bunyi bahasa akan terhalang. Persoalan kreativiti bukanlah disebabkan oleh persekitaran tetapi ia dicetuskan oleh akal manusia atau melalui operasi kognitif (David Stinger, *et.al*, 1973:77).

Golongan mentalis menolak pandangan golongan behaviouris dan mengatakan bahawa pendapat tersebut adalah tidak menyakinkan. Walaupun bayi semasa kelahirannya tidak mempunyai bahasa, tetapi golongan mentalis percaya bahawa semua bayi yang lahir dibekalkan dengan alat pertuturan semula jadi. Menurut Insup Taylor (1976:184);

"Although human neonates have no language, there is ample evidence that they are born with physical equipment well suited for acquiring language. The human brain's two hemispheres - the right and the left hemispheres- are connected by a thick bundle of nerve fibres."

Golongan mentalis juga menekankan bahawa pemerolehan fonem-fonem bahasa itu bukan sebagai hasil daripada hubungan sosio-psikologi tetapi menekan faktor dalaman (*endogeneous*) seperti LAD (*Language Acquisition Devices*). Menurut Karmiloff-Smith (1979) jika mental tidak terlibat dalam proses pemerolehan bahasa adalah tidak mungkin kanak-kanak akan dapat membina rumus-rumus fonologi semasa mereka menguasai sistem fonologi tersebut.

Dari aspek sintaksis dan semantiknya pula, penyokong golongan behaviouris menganggap bahawa bahasa ialah sebagai hasil langsung daripada pengaruh

persekitaran sosio-psikologi. Dengan perkataan lainnya sistem sintaksis dan juga semantik di kalangan kanak-kanak adalah terhasil sebagai akibat daripada interaksi mereka dengan individu dewasa, masyarakat dan seluruh persekitaran yang hampir dengan mereka. Berdasarkan *model motherese* (Snow dan Ferguson, 1977) adalah didapati bahawa pertuturan yang diucapakan oleh penjaga atau ibu bapa kepada kanak-kanak pada peringkat awalnya bersifat telegraf. Setelah kanak-kanak melalui peringkat tersebut maka baharulah kanak-kanak didedahkan dengan kata-kata tugas atau morfem-morfem terikat. Dengan perkataan lainnya, penjaga atau ibu bapa kanak-kanak dikatakan sentiasa memberi rangsangan yang sesuai agar penguasaan bahasa kanak-kanak akan berjalan dengan lancar. Dengan pandangan seperti ini, golongan Teori Behaviourisme melihat pemerolehan sintaksis di kalangan kanak-kanak sebagai bersifat mekanis dan melalui proses peniruan.

Walau bagaimanapun golongan Teori Mentalisme menolak pandangan Teori Behaviourisme tersebut kerana mereka lebih percaya bahawa kebolehan individu untuk mengajar ayat dan membina makna bukanlah secara mekanikal. Menurut golongan Teori Mentalisme bahawa sistem sintaksis bahasa pertama atau bahasa ibunda di kalangan kanak-kanak memang sudah sedia wujud dalam minda manusia sejak mereka dilahirkan. Malah menurut Hornstein dan Light (1981) golongan yang berfahaman mentalis ini melihat kanak-kanak sememangnya sejak dilahirkan sudah dilengkapi dengan nahu universal atau nahu yang sejagat yang terdapat dalam alat pemerolehan bahasanya atau *Language Acquisition Devices (LAD)*. Berdasarkan pandangan golongan mentalis ini maka kanak-kanak bukanlah mendapatkan rumus-

rumus daripada bahasa ibundanya tetapi menyesuaikan dengan rumus-rumus yang terkandung dalam bahasa universal.

Dari aspek pemerolehan semantiknya pula, memang tidak dapat difahikan bahawa kanak-kanak sejak lahir sudah boleh berkomunikasi dengan persekitarannya. Perkara ini sudah diperjelaskan dan Bab I dengan panjang lebar. Namun untuk tujuan perbincangan dari sudut tasauwur Teori Behaviourisme dan Teori Mentalisme, pengkaji akan mengupas beberapa hujah tambahan yang berkaitan. Golongan behaviourisme melihat komunikasi awal seseorang bayi dengan persekitarannya adalah dalam bentuk tangisan. Tangisan tersebutlah pada golongan behaviourisme adalah sebagai satu unsur yang berkaitan dengan rangsangan dan gerak balas. Menurut golongan behaviourisme, apabila tangisan bayi tersebut difahami oleh si ibu sebagai satu maksud tertentu maka ia membawa makna yang tertentu. Sebagai contoh apabila seorang bayi lapar ia akan menangis. Tangisan bayi itu adalah sebagai satu mesej atau satu proses penyampaian mesej. Ibu yang peka dengan kehendak anaknya akan menuapkan makanan ke mulut bayi tersebut. Perbuatan ibu ini rupa-rupanya menghilangkan tangisan si bayi. Ini menjelaskan bahawa mesej difahami dan diterima atau disebut sebagai proses penerimaan mesej. Bayi yang menyedari bahawa mesejnya telah diterima akan menangis lagi apabila lapar. Kemudiannya diberi makan oleh si ibu; menjadi kenyang serta tidurnya selepas itu. Dalam proses tersebut bagi golongan yang berfahaman behaviouris melihat bahawa unsur rangsangan, gerak balas dan hukum latihan serta peneguhan berlaku pada diri kanak-kanak tersebut.

Tetapi golongan yang mendokong Teori Mentalisme mengatakan bahawa memang secara fitrah bayi sudah boleh mengamati persekitarannya melalui

pancainderanya. Ia adalah satu anugerah Tuhan yang semula jadi pada setiap manusia. Golongan mentalis melihat anugerah tuhan ke atas manusia tersebut sebagai satu yang semula jadi yang melibatkan kognisi bukan melalui proses rangsangan dan gerak balas. Ini adalah kerana pengetahuan yang diperolehi melalui pengamatan yang melibatkan mental ini akan mewujudkan erti-erti yang akan dikomunikasikan oleh kanak-kanak. Menurut Clark (1973:65-110; 1977:1-72) bahawa pertumbuhan semantik kanak-kanak akan berkembang apabila umur kanak-kanak semakin bertambah. Pandangan Clark tersebut adalah selari dengan pernyataan yang dibuat oleh Ronald Wardhaugh (1975:151) yang menjelaskan seperti berikut:

“... as the children get older they can increasingly free themselves from the immediate situation and the actual order events in the worlds and they can imagine themselves to be at other points in time and space and view events from that different perspective. This increase in cognitive ability enables children to express new meaning; they therefore acquire the syntactic apparatus which allow them to express these new meanings...”

Pandangan Ronald Wardhaugh tersebut menjelaskan kepada kita bahawa perkembangan seseorang kanak-kanak samalah seperti pandangan yang pernah dicetuskan oleh Chomsky (1968). Menurut Chomsky bahawa proses pemerolehan bahasa atau penguasaan bahasa terutamanya dari segi semantik di kalangan kanak-kanak boleh diperkembangkan dan diperkuuhkan setelah kanak-kanak melalui proses pematangan. Seseorang kanak-kanak itu akan belajar bercakap bermula daripada tingkat yang paling rendah seperti dalam bentuk tangisan, bebelan, satu suku perkataan dan akhirnya boleh membina satu perkataan yang bermakna. Dari detik itulah bahasa kanak-kanak akan diperkembangkan kepada bentuk yang kompleks. Oleh itu J.N. Carolyn (1976:5) mengatakan seperti berikut:

"The child begins by speaking the underlying structure of a sentence. He or she then adds transformations to this language and personal language productions to be further and further away from the underlying structure."

Sebagai kesimpulannya, bahawa teori pemerolehan bahasa adalah sesatu yang tidak ada penghujungnya. Kedua-dua teori yang dikemukakan mempunyai hujah dan rasionalnya yang amat menggalakan. Jika diperhatikan pandangan Teori Behaviourisme tentang pemerolehan bahasa, kita disarankan seboleh-bolehnya menyediakan satu persekitaran bahasa atau satu *model* yang mencukupi supaya kanak-kanak dapat meniru sesuatu itu dengan berkesan dan sempurna. Cazden (1972:12) mengatakan bahawa anggapan ke atas kanak-kanak meniru bahasa yang mereka dengar seperti yang dihujahkan oleh golongan pendokong Teori Behaviourisme itu ada kebenarannya. Menurut Cazden, walaupun faktor peniruan bukanlah merupakan faktor yang asasi dalam penguasaan bahasa kanak-kanak, namun pengenalpastian model asas bahasa itu adalah dianggap sebagai vital atau sangat penting dan mempunyai kesan yang mendalam.

Macnamara (1977) dalam satu kenyataannya menyebut bahawa kanak-kanak yang berada dalam lingkungan persekitaran yang menggalakkan akan berupaya untuk memperoleh bahasa dengan mudah. Pandangan Macnamara tersebut menegaskan bahawa peniruan model adalah penting. Hal ini dijelaskan oleh Insup Taylor (1976:185) seperti berikut:

"Children can learn and unlearn language in a short time, depending on what language environment they find themselves in. Drastic environmental deficiencies such as having no parents, or being institutionalised may retard the rate and reduce the quality of language development, but they do not affect the general sequence of language acquisition."

Pandangan golongan behaviorisme juga menekankan aspek peneguhan dan latih tubi untuk mengekalkan sesuatu tingkah laku yang berkekalan. Dalam pemerolehan bahasa, peneguhan adalah amat diperlukan sebagaimana kata Skinner:

"... through a listener's smiles, nod, praise, and attention the speaker is encouraged to say things."

(Wardhaugh, 1975:140)

Jika kita perhatikan dari tasauwur ahli teori mentalisme, persoalan kematangan biologi, kesempurnaan deria, kebolehan mental dan kognisi serta alat pemerolehan bahasa dianggap memainkan peranan yang terpenting dalam proses pemerolehan bahasa kanak-kanak. Iktibar daripada pandangan seperti ini kepada kita ialah pemerolehan bahasa kanak-kanak bukanlah sesuatu yang boleh dipaksa secara mekanis tetapi ia akan berlaku secara semula jadi berdasarkan proses perkembangan kanak-kanak. Latih tubi dan peneguhan dianggap tidak akan menjadi bermakna jika tahap perkembangan kanak-kanak tidak sejajar dengan persekitaran psikososionya.

2.3 Kajian-kajian Yang Berkaitan

Pemerolehan bahasa di kalangan kanak-kanak telah menarik perhatian ramai ahli bahasa dan ahli psikolonguistik. Malah kajian tentang pemerolehan bahasa dari peringkat awal kehidupan manusia telah banyak dilakukan oleh beberapa orang sarjana yang terbilang. Secara amnya kajian-kajian tentang pemerolehan bahasa telah bermula sejak pertengahan dan lewat kurun ke16. Pada tahun 1787, Tiedemann telah memulakan penerokaan awalnya dalam lapangan ini. Kemudiannya pada tahun 1877, Charles Darwin seorang sarjana yang pernah menggemparkan dunia dengan teori evolusinya, telah mengkaji pemerolehan bahasa kanak-kanak. Preyer dan Sully,

masing-masingnya menjalankan kajian yang sama pada tahun 1882 dan 1885 (Lyonn, 1968:234).

Walau bagaimanapun pada abad ke20 muncullah di kalangan sarjana yang lebih berani dan serius untuk membuat penyelidikan berhubung pemerolehan bahasa kanak-kanak. Minat para sarjana dalam bidang kajian ini kian bertambah adalah disebabkan oleh perkembangan mutakhir dalam teori linguistik dan psikologi. Sebagai contoh seorang ahli psikologi yang terbilang iaitu Skinner (1957) telah cuba memperluaskan teori behaviourismnya bagi menghuraikan pembelajaran bahasa. Menurut Skinner bahawa pengaruh persekitaran terhadap pemerolehan bahasa adalah sesuatu yang tidak dapat disangskakan lagi berbanding kebolehan menjadi (*innate abilities*). Teori pelaziman operan Skinner (1938) yang beranggapan bahawa sesuatu perlakuan yang pada mulanya terbentuk secara kebetulan dapat dijadikan kelaziman seandainya perlakuan itu diteguhkan telah diperkuuhkan oleh Braine (1963, 1965). Teori generalisasi konteks (*contextual generalization*) yang dikemukakan oleh Braine tersebut cuba menghuraikan anggapan bagaimana adanya kemungkinan bahawa morfem-morfem dan frasa tertentu diikuti oleh perkataan dan frasa yang lain.

Walau bagaimanapun pandangan teori-teori behaviourisme tersebut di atas telah mendapat tentangan yang hebat daripada golongan mentalis (N. Chomsky, 1959; Bever, Fordor dan Weksel, 1965 a dan 196b). Golongan mentalis menegaskan bahawa pembelajaran bahasa bukan melalui proses pelaziman dan pengalaman sahaja tetapi ditentukan oleh keupayaan menjadi. Oleh yang demikian Chomsky mengatakan bahawa pandangan golongan behaviourisme tersebut tidak mampu untuk menghuraikan aspek-aspek yang kompleks tentang perkembangan bahasa dan struktur

bahasa. Teori Braine berhubung pemerolehan bahasa telah mendapat kecaman hebat oleh Bever, Fodor dan Weksel (1965a dan 1965b). Menurut mereka pandangan Braine (1963 dan 1965) tidak dapat memberi jawapan kepada persoalan bagaimana kanak-kanak mempelajari cara untuk membahagikan ujaran kepada morsem dan frasa. Mereka juga mengecam kelemahan hujah teori Braine tersebut kerana ia tidak dapat menghuraikan bagaimana kanak-kanak menghadapi jenis-jenis ayat yang mempunyai berbagai fungsi dan bagaimana pula kanak-kanak dapat memahami sesuatu susunan kata yang mienggambarkan dua struktur ayat yang mengandungi makna yang berbeza. Dengan hujahan tersebut maka golongan mentalisme menegaskan bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak mestilah berlandaskan keupayaan sejadi yang mengandungi kesejagatan atau kesemestaan formal yang substantif. Keupayaan inilah menurut golongan ini yang akan menjadi skema bagi membolehkan kanak-kanak menghadapi data-data bahasa yang didengarinya. Menurut N. Chomsky (19:53):

"... that various formal and substantive universals are intrinsic properties of the language acquisition system, these providing a scheme that is applied to data and that determines in a highly restricted way the general form and, in part, even the substantive features of the grammar that may emerge upon presentation of appropriate data."

Pertelingkahan pandangan yang dicetuskan oleh dua golongan teori itu telah menyemarakkan keinginan ramai di kalangan sarjana untuk melihat dan mengungkapkan rahsia di sebalik kenyataan tersebut. Jean Piaget, seorang tokoh psikologi yang mashor telah membuat penyelidikan tentang tahap-tahap perkembangan kognitif kanak-kanak selama beberapa tahun. Oleh kerana beliau adalah seorang tokoh yang berada di luar disiplin linguistik maka teorinya tentang

perkembangan bahasa kanak-kanak kurang dikenali oleh ahli-ahli linguistik (Abd. Azizi Abd.Talib, 1995:57). Piaget menjalankan penyelidikannya secara pemerhatian langsung dengan pengamatan yang sistematik dan teliti malah beliau telah menggunakan anak-anaknya sendiri yang bernama Jacqueline, Laurent dan Lucienne (Richard C. Sprintal dan Norman A. Sprintal, 1974:102).

Berdasarkan penyelidikan yang dijalankan oleh Jean Piaget dan rakan-rakannya, beliau telah mengutarakan teori perkembangan mental kanak-kanak yang perlu melalui empat tahap. Pertama disebutnya sebagai tahap motorderia (*sensorimotor period*), tahap kedua disebut sebagai tahap pemikiran praoperasi (*the period of preoperational thought*), tahap ketiga ialah tahap operasi konkrit (*the concrete operations period*) dan tahap operasi formal (*the formal operations stage*). Semua kanak-kanak akan melalui tahap-tahap tersebut dengan tidak menafikan terdapatnya perbezaan kadar pada seseorang kanak-kanak itu yang melalui setiap tahap tersebut. Perbezaan yang wujud itu menurut Piaget adalah disebabkan oleh faktor baka dan persekitaran. Malah menurutnya lagi bahawa perkembangan kognitif amat berkait rapat dengan peringkat-peringkat perkembangan seseorang kanak-kanak. Hal ini dijelaskan oleh Richard C. Sprintal dan Norman A. Sprintal seperti berikut (1974:117):

"He believes that intellectual growth is direct continuation of inborn biological growth. The child is born biologically equipped to make a variety of motor responses, which then provide the framework for the thought processes that follow."

Walau bagaimanapun dalam satu kajinya yang lain, Piaget (1952) telah sekali lagi membuat satu kejutan apabila beliau mengatakan bahawa bahasa kanak-

kanak pada peringkat umur 2 hingga 6 tahun adalah bersifat egosentrik. Dalam bukunya *The Language and Thought of the Child*, Piaget menjelaskan bahawa bahasa kanak-kanak dalam lingkungan umur tersebut adalah bersifat mudah dan egosentrik (*egocentric language*). Menurutnya lagi bahawa bahasa kanak-kanak adalah bersifat egosentrik kerana bahasa mereka hanya tertumpa kepada diri mereka sendiri tanpa memerlukan tindak balas orang lain (Piaget, 1952:9). Tambahnya lagi bahasa egosentrik yang dicetuskan oleh kanak-kanak tersebut adalah bersifat pengulangan (*repetition*), monolog (*monologue*) dan monolog tumpuan (*dual or collective monologue*). Dalam egosentrik monolog, pengulangan ujaran yang dicetuskan oleh kanak-kanak diulang secara berterusan pada perkataan suku kata misalnya:

“ma-ma-ma makan” apabila kanak-kanak hendak menyatakan dia hendak makan; dan

“man-man-man mandi” apabila menyatakan dia hendak mandi.

Menurut Piaget pengulangan ujaran suku kata seperti yang tersebut di atas adalah disebabkan oleh keseronokan untuk bercakap tanpa maksud bercakap kepada orang lain. Sering kali kanak-kanak mengulangi bunyi-bunyi yang tidak merangkumi sebarang makna atau ciri-ciri sosial seperti “da-da-da”, “wu-wu-wu” dan sebagainya.

Selepas kajian yang dibuat oleh Jean Piaget, ramai sarjana lain mula membuat kajian terhadap teori tersebut khususnya berhubung dengan perkembangan bahasa. Kajian Jean Piaget belum mencukupi kerana huraiannya tentang kebolehan kanak-kanak memanipulasikan kata-kata bahasa, menjana ayat-ayat *reasoning* menggunakan bahasa (ujaran kanak-kanak) tidak dilaporkan dalam kajian tersebut. Walau bagaimanapun sarjana lain juga mengakui dapatan kajian Piaget iaitu perkembangan

bahasa yang pesat berlaku di kalangan kanak-kanak dalam lingkungan umur 1½ tahun hingga 3 tahun. Pada peringkat inilah kanak-kanak telah melalui tahap penghujung peringkat motor deria dan telah mula memasuki peringkat praoperasi.

Sinclair (1969 dan 1975) telah membuat dua kajian tentang pemerolehan bahasa kanak-kanak. Hasil daripada kajian-kajiannya itu, beliau mendapati bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak samalah seperti yang diperolehi oleh J. Piaget iaitu ia adalah berdasarkan perkembangan kognitif. Dengan ini dapatan kajiannya mengesahkan bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak adalah terbentuk melalui tindakan kanak-kanak terhadap objek dan peristiwa yang berlaku dalam persekitarannya berasaskan perkembangan kognitifnya. Menurut kajiannya, kanak-kanak menguasai makna objek serta peristiwa-peristiwa dalam persekitaran mereka adalah sebagai hasil tindakan proses kognitif. Makna tersebut kemudiannya distrukturkan dan dihayati oleh kanak-kanak dalam bentuk struktur kognitif. Tegasnya kajian Sinclair dan Piaget menetapkan proses pemerolehan bahasa adalah bergantung kepada proses kognitif dan proses linguistik.

Walau bagaimanapun pada tahun 1925 J.C. Fenton telah membuat kajian berhubung perkembangan bahasa di kalangan kanak-kanak. Dapatan kajiannya mempunyai beberapa persamaan dengan dapatan dua kajian yang telah dilakukan oleh Jean Piaget dan Sinclair sebelumnya. Menurut kajian J.C. Fenton (1925:bab 6) bahawa peringkat perkembangan bahasa kanak-kanak adalah berdasarkan urutan tertentu. Kajiannya telah memperlihatkan sebanyak enam peringkat perkembangan bahasa dalam sepanjang proses pemerolehan bahasa individu. Bagi Fenton peringkat yang pertama ialah peringkat bunyi terkejut (*pantulan atau reflex sound*) atau sebagai

bunyi teriakan bayi sebaik sahaja dilahirkan. Hasil daripada pemerhatian Fenton bahawa setiap bayi yang baru dilahirkan akan membunyikan satu teriakan atau bunyi terkejut. Keadaan tersebut menurut Fenton adalah diumpamakan dengan bunyi orang dewasa terkejut apabila terpijak benda atau objek tajam. Bayi sering mengeluarkan bunyi seperti “aw”, “oh”, “op”, dan sebagainya.

Pada peringkat kedua, Fenton mendapati bahawa bahasa kanak-kanak adalah bersifat bebelan dan dikenalinya sebagai peringkal membebél (*bable sound*). Menurut Fenton bunyi tersebut sebenarnya menunjukkan bayi sudah pandai membunyikan bunyi-bunyi vokal. Peringkat ini berlaku apabila kanak-kanak sudah mencapai usia 5 hingga 6 bulan. Bunyi-bunyi yang tidak bermakna seperti “ba”, “ma”, “ga”, “da...dadada”, “ba..bababa” dan sebagainya dihasilkan. Bunyi-bunyi tersebut menurut pemerhatian Fenton tidak memperlihatkan bentuk-bentuk perkataan dan mungkin merujuk kepada sesuatu yang dilihat oleh bayi atau kanak-kanak tersebut (Adrian Akmajian *et.al*, 1995:477). Salah satu fenomena yang amat menarik untuk diperhatikan daripada kajian Fenton ini ialah bunyi-bunyi bebelan yang dihasilkan oleh kanak-kanak akan menghilang apabila mereka mula menggunakan bahasa (Clark, 1977:390).

Peringkat ketiga menurut J.C. Fenton ialah peringkat kanak-kanak mula membentuk ujaran dengan satu perkataan. Pada peringkat ini kita akan menyaksikan kanak-kanak akan kerap mengulangi perkataan yang biasa atau lazim diujarkan oleh mereka. Menurut kajian lain yang pernah dibuat oleh M.W. Shinn (1900:235 - 37) bahawa kanak-kanak dalam peringkat ini sudah dapat mengecam, mengetahui dan mengenali antara 50 hingga 80 perkataan bagi menyebutkan (menamakan atau

labeling) benda yang terdapat di sekeliling kita. Tetapi berdasarkan kajian yang dibuat oleh M.W.Shinn, kanak-kanak dapat menamakan benda atau objek dengan bantuan pengkaji iaitu dengan mempamerkan objek atau benda dan kanak-kanak diminta untuk menyatakan benda atau objek tersebut. Dalam situasi hariannya daripada 50 hingga 80 perkataan yang dikenali oleh kanak-kanak tersebut hanya lima perkataan asas yang aktif dikuasai dan sering diulangi oleh kanak-kanak. Menurut M.W. Shinn perkataan-perkataan asas aktif tersebut adalah perkataan yang berkaitan dengan dunia yang tidak asing dengan kanak-kanak iaitu yang berkaitan dengan permainan, makanan dan keluarga. Oleh yang demikian kajian M.W. Shinn mendapat perkataan seumpama “mam” (makan), “nen” (minum/susu), “mama” (emak), “papa” (bapa) dan sebagainya adalah di antara perkataan asas aktif yang dikuasai oleh kanak-kanak tersebut.

Peringkat keempat ialah apabila kanak-kanak telah berumur 13 hingga 18 bulan. Menurut kajian J.C.Fenton perkembangan bahasa kanak-kanak pada peringkat ini sudah jauh mantap berbanding peringkat ketiga. Walaupun ujaran kanak-kanak hanya melibatkan satu perkataan sahaja namun mesejnya boleh difahami dengan mudah. Sebagai contoh dalam kajian J.C.Fenton tersebut kanak-kanak yang diperhatikannya sedang berinteraksi dengan ibunya seraya menyebut “*Mommy shock*”. Ujaran tersebut boleh memberi makna yang berbeza-beza. Jika kanak-kanak tersebut mengujar ungkapan tersebut sambil memberikan setokin kepada ibunya maka ia bermaksud; “ini setokin emak”. Tetapi apabila kanak-kanak tersebut membawa setokinnya dan mengujar ungkapan yang sama maka ia bermaksud dia mohon pertolongan emaknya untuk memasukkan setokinnya itu. Oleh yang demikian J.C.

Fenton melihat unsur tersebut pada ujaran kanak-kanak perlu dilihat secara tekstual dan juga secara kontekstual. Jika kita cuba mengaitkan dapatan kajian Fenton ini dengan ujaran kanak-kanak Melayu, maka bolehlah kita memperincikan maksud kata-kata kanak-kanak kita apabila mereka menyebut “mam” yang mungkin bermaksud untuk makan atau menyoal sama ada kita sedang makan atau disebaliknya. Samalah juga apabila kanak-kanak mengujar “asut” yang boleh membawa maksud “Mak tolong pasangkan kasut saya” atau “Ini kasut mak”.

Selain daripada itu dapatan kajian J.C. Fenton mendapati bahawa apabila kanak-kanak memasuki pada tahap tertentu iaitu di antara 20 hingga 35 bulan, mereka telah boleh mengujar dua perkataan. Oleh kerana kanak-kanak pada peringkat ini sudah berupaya menghasilkan ujaran dua perkataan maka komunikasi kanak-kanak adalah lebih berkesan. Menurut Fenton bahawa perkataan yang diujarkan oleh kanak-kanak pada peringkat ini membawa makna yang lebih jelas walaupun mungkin dari segi fonologi atau sebutannya masih kurang nyata.

Tetapi pada peringkat keenam iaitu ketika kanak-kanak berumur 36 bulan, penggunaan bahasa kanak-kanak telah mulai berkembang dengan sempurna. Malah menurut dapatan kajian Fenton bahawa kanak-kanak dalam lingkungan umur 3 hingga 4 tahun sudah mempunyai kebolehan menggunakan ayat-ayat yang terdiri daripada 3 hingga 5 malah hingga 8 perkataan. Ini bermakna pada tahap ini kanak-kanak telah dapat menyatakan sesuatu dalam ayat yang paling mudah. Amat menarik untuk diperhatikan ialah dapatan kajian oleh J.C. Fenton ini semacam selari dengan dapatan kajian yang pernah dibuat oleh Jean Piaget.

Kalau kajian yang dibuat oleh Jean Piaget telah merumuskan bahawa terdapat empat tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tetapi dapatan kajian J.C. fenton pula telah memperlihatkan terdapatnya enam peringkat perkembangan bahasa kanak-kanak. Dapatan kajian yang dibuat oleh Wood pada tahun 1981 adalah amat menggalakkan kerana ia telah memperkuuhkan dapatan kajian oleh J.C.Fenton. Dapatan kajian Wood tersebut juga telah mengenal pasti sebanyak enam peringkat perkembangan bahasa individu. Menurut kajian Wood peringkat-peringkat perkembangan tersebut ialah peringkat prapertuturan atau *prespeech*. Bagi Wood peringkat ini berlaku ketika kanak-kanak berumur sebelum 1 tahun. Melalui pemerhatian Wood bahawa pada peringkat ini ujaran kanak-kanak adalah dalam bentuk tangisan, *cooing* dan bebelan seperti “waaah”, dan “dadadada”. Ujaran-ujaran seperti itu adalah terlalu sukar untuk difahami oleh orang dewasa namun secara nyata sudah pastilah ia membawa maksudnya yang amat abstrak. Tetapi setelah melalui beberapa ketika ibu akan cuba memahami maksud ujaran tersebut dengan mengajuknya apabila kanak-kanak mengujarkan kata-kata yang seumpamanya.

Menurut Wood peringkat kedua ialah peringkat yang dikenalinya sebagai *holophrase*. Pada peringkat ini kanak-kanak telah berumur 12 bulan. Daripada pemerhatian yang dibuat oleh Wood, perkataan yang diujarkan oleh kanak-kanak akan disertai unsur-unsur yang *nonverbal* seperti *gesture* dan infleksi. Sebagai contohnya kata Wood, apabila kanak-kanak mengujar “*Mommy*” ia mungkin membawa maksud “*Would you please come here, Mother*”.

Peringkat ke tiga ialah ketika kanak-kanak berumur 18 bulan. Menurut Wood pada peringkat ini kanak-kanak telah berupaya untuk mengujar dua perkataan atau

two word sentences. Dalam pemerhatian Wood, pada peringkat inilah terdapatnya unsur-unsur *modifiers* hadir dalam ayat yang diujarkan oleh kanak-kanak. Unsur-unsur *modifiers* tersebut dilihat oleh Wood sebagai unsur untuk membentuk struktur deklaratif, ayat tanya, penafian dan juga imoperatif. Contohnya perkataan yang diujarkan oleh kanak-kanak seperti "*Pretty baby*" adalah untuk maksud struktur deklaratif; "*Where Daddy*" adalah untuk maksud struktur bertanya; "*No play*" adalah untuk struktur menyatakan keengganan atau struktur penafian; dan "*More milk*" adalah untuk menyatakan struktur imperatif.

Pada peringkat ke empat iaitu apabila kanak-kanak berumur 2 hingga $2\frac{1}{2}$ tahun akan menyaksikan kebolehan mereka membina ayat yang terdiri daripada subjek dan predikat. Sebagai contohnya Wood menjangkakan bahawa struktur deklaratif yang dicetuskan oleh kanak-kanak yang dikajinya apabila kanak-kanak tersebut menyatakan "*She's a pretty baby*". Oleh kerana kanak-kanak telah berupaya membina ayat daripada dua komponen utama tersebut, maka Wood menamkan peringkat ini sebagai *Multiple-word sentences*.

Kajian Wood tersebut juga telah mendapati bahawa pada peringkat kelima iaitu apabila kanak-kanak mencapai usia $2\frac{1}{2}$ tahun hingga 4 tahun, kanak-kanak telah berupaya memasukkan elemen seperti kata penghubung atau *conjunction* dalam ujaran mereka. Kanak-kanak dalam peringkat perkembangan ini dikenali oleh Wood sebagai *Complex grammatical changes and word categories*.

Pemerhatian Wood ke atas kanak-kanak yang berumur 4 tahun ke atas adalah sama seperti yang dilaporkan oleh Jean Piaget dalam peringkat operasi formalnya ataupun seperti dapatan yang dilaporkan oleh J.C. Fenton, kerana kanak-kanak pada

peringkat ini telah menguasai bahasa dengan baik dan sempurna. Kanak-kanak pada peringkat ini menurut pemerhatian Wood telah berjaya memperlihatkan nahu yang lebih kompleks malah yang menyerupai pertuturan orang dewasa.

Hasil kajian Jean Piaget yang juga telah berjaya menambat hati atau menarik perhatian ramai sarjana lain ialah apabila beliau mengaitkan perkembangan bahasa kanak-kanak dikatakan telah dipengaruhi oleh faktor baka, persekitaran, sosial dan pengalaman. Sebagai contoh dapatan Piaget tersebut telah menggalakkan Basil Bernstein iaitu seorang ahli sosiologi untuk membuat kajiannya pada tahun 1961. Pendekatan yang digunakan oleh Basil Bernstein adalah berdasarkan pemerhatian ke atas penguasaan bahasa di antara kanak-kanak dari latar belakang keluarga pertengahan dengan kanak-kanak dari latar belakang keluarga golongan buruh di England. Kajian yang dibuat oleh Basil Bernstein telah mendapati bahawa kanak-kanak yang datangnya dari latar belakang keluarga golongan pertengahan di England menunjukkan bahasa yang lebih terhurai atau *elaborated language code*. Ayat-ayat yang dibina oleh kanak-kanak tersebut lebih kemas, lengkap dan jelas berbanding dengan kanak-kanak yang datangnya dari latar belakang keluarga golongan buruh. Bahasa kanak-kanak dari golongan buruh lebih terhad atau *restricted language code*. Ini bermakna ayat yang diujar oleh kanak-kanak daripada golongan tersebut lebih mudah dan kadang kala tidak lengkap manakala kosa katanya juga didapati terhad.

Pada tahun 1962 Frank Riessman telah membuat satu kajian dalam lapangan yang sama seperti yang dibuat oleh Basil Bernstein. Pemerhatian pemerolehan bahasa atau penguasaan bahasa yang dijalankan oleh Frank Riessman adalah ke atas kanak-kanak di kawasan setinggan atau *ghetto* di Amerika Syarikat. Dapatan kajiannya telah

menunjukkan bahawa bahasa kanak-kanak di kawasan tersebut adalah terhad. Ayat-ayat yang dibina oleh kanak-kanak adalah terhad dan tidak sempurna dari segi strukturnya. Menurut Frank Riessman bahawa kanak-kanak di kawasan setinggan tidak terdedah dengan persekitaran yang membolehkan mereka memperkayakan kata asasi atau perbendaharaan kata. Oleh yang demikian maka penggunaan kata asasi adalah terhad.

Pada tahun 1973, K. Nelson telah membuat satu kajian berhubung pemerolehan perbendaharaan kata asas kanak-kanak yang berumur dalam lingkungan umur 1;3 dan 2;0. Kajian K. Nelson telah dapat mengesan tiga kategori perkataan pertama yang diketahui oleh kanak-kanak tersebut. Kategori perkataan tersebut ialah kategori haiwan (*animals*), kategori makanan (*food*) dan kategori alat permainan kanak-kanak (*toys*). Daripada 18 perkataan yang diketengahkan oleh K. Nelson kepada kanak-kanak yang dikaji, beliau mendapati hanya 10 perkataan dalam lingkungan kategori tersebut yang sering diujarkan atau disebut oleh kanak-kanak. Perkataan-perkataan yang sering diujarkan oleh kanak-kanak ialah *juice*, *milk*, dan *cookie* untuk merujuk kepada kategori makanan; *ear*, *eye* dan *nose* untuk kategori bahagian badan; *shoe*, *hat* dan *shock* untuk kategori pakian; *dog*, *cat* dan *duck* untuk kategori haiwan; *clock* dan *light* untuk kategori peralatan dalam rumah; *ball* dan *block* untuk kategori alat-alat permainan kanak-kanak (*toys*); dan *car*, *boat* dan *truck* untuk kategori kenderaan. Nama-nama bagi orang sering kali merujuk kepada perkataan-perkataan seperti *mama*, *dady* dan *baby*. Juga yang dapat dikesan melalui kajian K. Nelson tersebut ialah ada ketikanya kanak-kanak dapat menyebut peralatan seperti *bottle* dan *cup* apabila hendak makan.

Dari aspek pemerolehan sintaksis, Herbert H. Clark (1974:311) telah memetik pandangan hasil kajian yang dibuat oleh Schlesinger (1971:63-101; 1974:129-151) dan merumuskannya seperti berikut:

"... argued that children start by talking a limited number of different roles (case relations) and only later learn the more abstract grammatical relations of subject, predicate, or direct object"

Pandangan Schlesinger ini telah dibuktikan oleh kajian Bowerman (1973). Kajian Bowerman (1973:197-213) adalah ke atas 3 orang kanak-kanak. Dua orang kanak-kanak tersebut bertutur dalam bahasa Inggeris manakala seorang lagi adalah berbangsa Finnish dan bercakap dalam bahasa ibundanya. Hasil kajian Bowerman telah mendapati bahawa pola ayat KN + KK adalah lebih kerap berbanding KK + KN. Dapatkan kajian Bowerman ini tidak seperti dapatkan kajian Bloom (1970) dan R. Brown (1973). Menurut kajian Bloom dan R.Brown bahawa kanak-kanak lebih kerap menggunakan struktur atau pola yang diujar berdasarkan KK + KN berbanding pola KN + KK. Hal ini menurut MacNeill (1970) berlaku jika predikat adalah sebagai konstituen bagi ujaran dua perkataan kanak-kanak, maka pola KK + KN akan menjadi lebih kerap wujud seperti dalam ujaran iaitu "*Drop stick*" atau "*Sit chair*" berbanding kombinasi KN + KK seperti dalam ujaran "*Man drop*" atau "*Man sit*".

Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Greenberge pada tahun 1963, beliau membuat satu pemerhatian ke atas pola ujaran kanak-kanak. Hasil daripada pemerhatiannya tersebut adalah didapati bahawa semua bahasa mempunyai unsur-unsur subjek (S), kata kerja (KK) dan objek (O) dalam setiap ujaran atau ayat. Mengikut kajian Greenberge tersebut lazimnya pola yang terdapat dalam ujaran semua bahasa ialah berdasarkan pola SVO, SOV dan VSO tetapi tidak pernah berlaku

pola OSV, OVS dan VOS. Keadaan ini berlaku sebagaimana dijelaskannya kerana pola tersebut adalah pola yang sejagat bagi semua bahasa atau yang dinuranikan. Dengan perkataan lainnya kanak-kanak akan menyusunkan kata-katanya dalam pola tersebut setelah mereka boleh mengujar dua atau lebih perkataan.

Pada tahun 1972, Sinclair dan Bronkart (Insup Taylor, 1976) telah membuat satu kajian ke atas kanak-kanak yang bertutur bahasa Perancis di Geneva. Tujuan kajian mereka tersebut ialah untuk melihat sama ada kanak-kanak tersebut membuat interpretasi ayat yang diujarkan berdasarkan pola-pola tertentu. Kanak-kanak yang dipilih untuk kajian mereka tersebut adalah berumur dalam lingkungan 2;1 - 7;0. Sinclair dan Bronkart menyuruh kanak-kanak tersebut meneka makna ujaran tiga perkataan yang berlawanan (*deviant three-word utterance*) dan ujaran yang mempunyai persamaannya dengan ujaran yang dicetuskan oleh kanak-kanak kecil. Hasil daripada kajian mereka tersebut adalah didapati bahawa kanak-kanak telah membuat tafsiran yang berbeda tentang makna ujaran tersebut berdasarkan umur mereka. Dalam satu komen yang dibuat oleh Insup Taylor (1976:211) beliau melihat dapatan kajian tersebut adalah seperti berikut:

"The earliest type of solution was to consider the utterance as consisting of two part only: name of person and his action (agent + action)... The subsequent type of solution considered three parts: an agent, an action, and a patient; here the proximity of the noun to the verb rather than the word order played an important role."

Sebenarnya strategi yang digunakan oleh Sinclair dan rakannya itu cukup menarik kerana ketiga-tiga subjek yang dikaji oleh mereka menyatakan pola SVO,SVO dan VSO. Oleh yang demikian menurut Sinclair dan rakannya bahawa pola-pola tersebut

hadir dalam setiap subjek yang diperhatikan dalam kajian mereka kerana ia adalah pola yang sejagat dan ini tentunya telah mengukuhkan lagi pendapat Chomsky berhubung dengan kesejagatan bahasa yang pernah diutarakannya.

Hornstein dan Lightfoot (1981) juga telah membuat satu kajian tentang pembentukan ayat atau aspek sintaksis di kalangan kanak-kanak. Mereka juga menggunakan pendekatan atau kaedah pemerhatian ke atas subjek yang dikaji. Tujuan mereka membuat kajian berhubung aspek sintaksis ini ialah untuk membuktikan kesahihan pandangan teori behaviourisme tentang kepentingan rangsangan dan peranan peniruan dalam proses penguasaan rumus-rumus sintaksis. Dapatan kajiannya mereka tersebut walau bagaimanapun telah memperlihatkan bahawa teori yang dinyatakan oleh golongan behaviorisme itu tidak jelas dan kurang meyakinkan. Hasil daripada kajian mereka adalah didapati bahawa kanak-kanak menguasai sesuatu bahasa itu bukan dipengaruhi oleh proses peniruan. Oleh yang demikian dapatan kajian mereka telah menafikan bahawa kanak-kanak menguasai bahasa itu bukan dipengaruhi oleh bentuk-bentuk pertuturan bahasa para penjaga mereka atau ibu bapa mereka. Menurut kajian mereka, kanak-kanak membetulkan kesalahan bahasa mereka bukan kerana ditegur oleh orang dewasa tetapi mereka menghasilkan bentuk-bentuk pertuturan yang gramatis.

Sebenarnya kajian yang dijalankan oleh Hornstein dan Lightfoot(1981) tersebut sebelum itu juga telah dijalankan oleh McNeill pada tahun 1966 dan C.S. Smith pada tahun 1979. Dapatan kajian yang dibuat oleh McNeill (1966) menegaskan bahawa peranan orang dewasa untuk membetulkan bahasa kanak-kanak amat sedikit

kesannya. Berikut ialah petikan perbualan seorang kanak-kanak dengan ibunya yang dirakamkan oleh McNeill (1966:69) melalui pemerhatiannya.

Child : *Nobody don't like me.*
Mother : *No, say nobody likes me.*
Child : *Nobody don't like me*

(After eight repetition of this dialogue)

Manakala kajian yang dibuat oleh C.S. Smith (1979) juga telah mendapati bahawa kanak-kanak bukan sahaja tidak akan membetulkan kesalahan struktur gramar tetapi membuat *reduction* malah mungkin menjadi lebih keliru (*confusion*) apabila gramar bahasa mereka cuba diperbetulkan. Smith juga mendapat bahawa kanak-kanak yang berumur dalam lingkungan 3 dan 4 tahun akan membuat reduksi malah menjadi amat keliru apabila disuruh mengajuk atau mengulangi perkataan orang dewasa.

Berikut ialah rakaman perbualannya dengan seorang kanak-kanak (Smith, 1979:126-27):

- (stimulus) : Mommy could have lost her purse.
(response) : Mommy lost her purse. (reduction)
(stimulus) : Not Jane, but Betty, called you.
(response) : Betty called you. (confusion)
(stimulus) : The boy who was running fell down.
(response) : The boy was fell down. (lack of understanding)
(stimulus) : Mone old green coat has holes.
(response) : My old green coat has holes. (normalization)

Walau bagaimanapun satu kajian yang telah dibuat oleh Berko Gleason pada tahun 1967 juga telah mendapat keputusan yang sama seperti dapatan kajian oleh McNeill (1966) tersebut. Pemerhatian yang dilakukan oleh Berko ke atas perbualan kanak-kanak dan percubannya untuk membetulkan struktur nahu bahasa kanak-kanak tersebut telah berakhir dengan satu kegagalan. Berko Gleason mendapati kanak-kanak tersebut sukar untuk mengubah struktur nahu yang sedia ada terbina dalam mindanya.

Hal ini dirakamkan oleh Berko Gleason (1967:1) seperti bertikut:

*She said, My teacher holded the baby rabbits and we patted them.
I asked, Did you say your teacher held the baby rabbits?
She answered, Yes.
I asked, What did you say she did?
She answered again, She holded the baby rabbits and we patted them.
Did you say she held them tightly? I asked.
No, She answered, she holded them losely.*

Walaupun dalam kajian tersebut Jean Berko Gleason telah melakukan satu percubaan sedaya upayanya untuk membetulkan struktur kosa kata dan nahu kanak-kanak tersebut, namun usahanya itu tidak mendatangkan hasil atau tidak memperlihatkan reaksi yang semerta. Kanak-kanak secara berterusan masih menyebut perkataan yang sama seperti *holded* walaupun J. Berko Gleason mengulangi

perkataan *held* beberapa kali untuk membetulkan struktur kosa kata dan sekali gus nahu bahasa kanak-kanak tersebut. Keadaan ini jika menurut Hornstein dan Lightfoot (1981) adalah bukan disebabkan oleh kegagalan orang dewasa untuk mempengaruhi kanak-kanak, tetapi kanak-kanak akan hanya membetulkan ciri-ciri tata bahasa dan mereka sebenarnya menghasilkan bentuk tata bahasa pertuturan yang tersendiri. Setelah melalui pematangan perkembangan struktur nahu kanak-kanak tersebut akan menjadi matang.

Jean Aitchison telah memetik satu huraian yang pernah dinyatakan oleh Chomsky berhubung dengan *internalized grammar* di kalangan kanak-kanak. Kenyataan yang dibuat oleh Chomsky yang dipetik oleh Jean Aitchison (1978:92) seperti berikut:

"He looks for regularities in the speech he hears going on round him, then makes guesses as to rules which underlie the patterns.... Gradually his mental grammar will become more sophisticated."

Pandangan Chomsky seperti mana yang dipetik oleh J. Aitchison tersebut di atas bolehlah menggambarkan malah merumuskan mengapakah berlakunya dapatan atau keputusan kajian yang dilakukan oleh McNeill (1966), J.B.Gleason (1967) dan C.S. Smith (1979). Malah dalam satu kenyataan lain yang pernah dibuat oleh Fodor (1966:109) beliau menjelaskan bahawa keadaan seperti yang tersebut di atas adalah seperti berikut:

"Like the scientist, the child finds himself with a finite body of observations, some of which are almost certain to be unsystematic. His problem is to discover regularities in these data that, at the very least, can be relied upon to hold however much additional data are added..."

Kajian-kajian yang dibuat oleh Chomsky (1969) dan Bellugi (1971) telah menunjukkan bahawa pola-pola perkembangan sintaksis kanak-kanak tidaklah semantap seperti yang disangkakan. Menurut dapatan kajian mereka adalah didapati setengah-setengah bentuk sintaksis bahasa Inggeris terdapatnya pertindihan antara peringkat perkembangan dan regresi ke peringkat yang terdahulu. Mereka juga mendapati terdapatnya persisihan di antara tatabahasa kanak-kanak dengan tatabahasa orang dewasa. Malah mereka secara lantang mengatakan bahawa persisihan yang berlaku di antara tatabahasa kanak-kanak dengan orang dewasa adalah berkait rapat dengan faktor umur kanak-kanak tersebut.

Bloomfield (1970) juga telah membuat satu kajian untuk menghuraikan makna bahasa kanak-kanak melalui analisis linguistik dan ciri-ciri konteks. Analisis Bloomfield tentang perkembangan sintaksis dan semantik bentuk nafian menggambarkan bagaimana faktor saling bertindak di antara proses kognitif dan bahasa telah mempengaruhi satu aspek bahasa. Dalam kajian tersebut, Bloomfield cuba menghuraikan kenapa penafian lewat wujud dalam ungkapan sintaksis kanak-kanak. Hasil daripada kajiannya, Bloomfield mendapati bahawa penafian perlu melibatkan referen simbolik. Oleh yang demikian maka seseorang kanak-kanak perlu menangkap makna konsep terlebih dahulu sebelum mereke dapat menggambarkan konsep itu dalam bentuk sintaksis. Daripada hasil kajian Bloomfield (1970) maka jelaslah bahawa huraian pemerolehan struktur gramatis memerlukan seseorang itu mengkaji proses kognitif serta proses bahasa.

Walau bagaimanapun kajian pemerolehan bahasa dari aspek semantik juga telah berjaya menarik perhatian ramai sarjana. Pada tahun 1966, Lenneberge telah

mengkaji pemerolehan perbendaharaan kata di kalangan kanak-kanak. menurut kajiannya bahawa kanak-kanak sentiasa memperoleh perkataan baru atau perbendaharaan kata yang baru sepanjang penghidupan mereka. Kajian yang dijalankan oleh Lenneberge tersebut mendapati bahawa kanak-kanak pada mula menguasai beberapa perkataan sahaja ketika mereka berumur 1 tahun. Apabila umur kanak-kanak meningkat kepada 2 tahun, jumlah perbendaharaan kata atau kosa kata yang dikuasai mereka bertambah menjadi sebanyak 270 patah perkataan. Jumlah tersebut menurut pemerhatiannya akan meningkat menjadi sebanyak 900 apabila kanak-kanak mencapai usianya kepada 3 tahun. Apabila kanak-kanak berumur 4 tahun jumlah kosa kata kanak-kanak akan bertambah kepada 1,500 patah perkataan. Ketika kanak-kanak berumur 5 tahun jumlah kosa kata yang dikuasai merka meningkat kepada 2,060 dan seterusnya apabila mereka mencapai usia 6 tahun jumlah kosa kata yang dikuasai mereka meningkat kepada 2,550. Dengan perkataan lainnya dapatan kajian yang dibuat oleh Lenneberge ini menjelaskan bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak terutamanya dari segi semantik adalah satu proses yang berlaku secara berperingkat-peringkat sepanjang proses pematangan. Tahap pemerolehan kosa kata atau perbendaharaan kata yang terpantas menurut dapatan kajian Lenneberge ialah ketika kanak-kanak itu berada pada peringkat awal perkembangannya atau peringkat *childhood*. Oleh yang demikian Lenneberge menjelaskan (1966:158)

"Language cannot begin to develop until certain level of physical maturation and growth has been attained. Between ages 2 and 3 years language emerges by interaction of maturation and self programmed learning."

Sebelum kajian yang dibuat oleh Lenneberge berhubung dengan pemerolehan perbendaharaan kata atau kosa kata, pada tahun 1963, G.E.R Burroughs juga pernah membuat satu kajian yang bertajuk *A study of the vocabulary of young children*. Kajian yang dibuat oleh G.E.R. Burroughs dengan membuat pemerhatian secara langsung terhadap kanak-kanak telah dapat membongkar khazanah tentang bahasa yang amat bernilai mendahului Lenneberge. Dapatan kajiannya telah mendapati ada sebanyak 273 pata perkataan pendaharaan kata asasi atau kosa kata aktif yang dikuasai oleh kanak-kanak. Juga yang telah dapat dibongkar melalui kajian tersebut ialah, Burroughs mendapati terdapatnya perbezaan penguasaan pemerolehan perbendaharaan kata di kalangan kanak-kanak perempuan dengan kanak-kanak lelaki. Selain daripada itu kajiannya juga telah dapat mengesahkan terdapatnya perkataan yang *uncommon* di kalangan kanak-kanak ketika mereka berusia 5 hingga $5\frac{1}{2}$ tahun. Tetapi menurut dapatnya lagi perkara yang *uncommon* itu tadi akan menjadi satu perbendaharaan kata yang difahami bersama atau *common* apabila kanak-kanak menjangkau usia mereka kepada 6 hingga $6\frac{1}{2}$ tahun.

Walau bagaimanapun memang tidak dapat dinafikan bahawa kanak-kanak menggunakan perkataan dengan cara mereka sendiri berbeza daripada cara orang dewasa menggunakan bahasa. Keadaan ini adalah wajar kerana perkembangan semantik kanak-kanak belum cukup matang berbanding dengan orang dewasa. Demikianlah antara lain yang dirumuskan oleh Ervin dan Froster melalui kajian mereka pada tahun 1960. Selain daripada itu mereka juga mendapati bahawa kelompok-kelompok perkataan tertentu menyebabkan gangguan kepada kanak-kanak. Kajian mereka adalah berdasarkan kepada satu pemerhatian ke atas kanak-kanak yang

berumur lebih daripada 6 tahun dan telah mendapati bahawa kanak-kanak sukar untuk membezakan perkataan dalam kelompok-kelompok tertentu. Kanak-kanak yang dikaji telah ditunjukkan oleh mereka dengan gambar-gambar dalam lingkungan kelompok kata seperti perkataan *happiness*, *cleanliness*, *pretiness* dan *goodness*. Menurut mereka (1960: 271-75) :

"The responses of the six year old indicated that for them, pretty was highly correlated as a descriptive term with happy; clean was correlated with pretty; good with pretty; happy with good. Because these words are often used in similar context, the children probably had not yet sorted out the attributes which are unique to each other."

Anglin (1970) telah membuat satu pemerhatian ke atas perkembangan semantik di kalangan kanak-kanak. Menurut Anglin bahawa perkembangan semantik adalah satu proses generalisasi kerena setelah beberapa ketika kanak-kanak akan menyedari tentang persamaan yang wujud dalam sesuatu kategori objek. Sebagai contoh pada mulanya kanak-kanak mengetahui bahawa pokok tulip dan poko ros adalah dari keluarga bunga; pohon jati dan pohon elm adalah himpunan pokok kayu; dan *collies* dan *poodles* adalah dalam himpunan anjing. Tetapi apabila kanak-kanak telah mencapai tahap kematangan perkembangan semantiknya, mereka akan menyedari bahawa pokok bunga mempunyai persamaannya dengan pokok kayu dan semuanya boleh dikategorikan sebagai pokok tumbuhan. Kajian Anglin ini menjelaskan bahawa perkembangan semantik di kalangan kanak-kanak akan berkembang sejajar dengan perkembangan kognitif mereka.

Tetapi menurut pandangan Palmero dan Molfese (1970) (Insup Taylor, 1976:200) tentang perkembangan semantik di kalangan kanak-kanak bahawa kanak-

kanak yang berada pada peringkat perkembanganya yang lewat sekalipun masih belum memperoleh struktur semantik yang mantap. Menurut mereka kanak-kanak memahami perkataan yang *substantial* berbeza daripada makna orang dewasa.

Pandangan yang diutarakan oleh Palermo dan rakannya itu seakan-akan mempunyai persamaan dengan dapatan kajian yang dibuat oleh Asch dan Nerlove (1960). Kajian yang dibuat oleh mereka menggunakan kanak-kanak dalam lingkungan umur 3 hingga 12 tahun. Kanak-kanak tersebut disediakan dengan beberapa objek dan kemudiannya ditanya atau disoal sama ada objek-objek tersebut sesuai disebut sebagai *sweet*, atau *cold*, atau *crooked* dan perkataan-perkataan lain yang berkaitan. Mereka memilih perkataan-perkataan tertentu kerana sifatnya yang boleh difahami secara makna fizikal mahupun makna psikologikalnya. Hasil daripada kajian mereka tersebut adalah didapati bahawa kanak-kanak dapat mengecam objek secara tepat dari segi makna fizikalnya berbanding makna psikologikalnya. Sebagai contoh, semua kanak-kanak yang berumur 3 hingga 4 tahun saham dan tahu akan makna *sweet* secara fizikal atau makna fakta tetapi tidak dapat membuat perkaitan makna jika perkataan itu dirujukkan kepada manusia. Kanak-kanak yang berumur dari 7 hingga 8 tahun pula boleh menggunakan perkataan-perkataan tersebut dengan maksud dalaman atau makna psikologikal tetapi gagal untuk mengaitkan makna psikologikal itu dengan makna fizikal. Hampir separuh daripada kanak-kanak yang berusia 9 hingga 10 tahun dapat menggunakan fungsi kedua-dua makna bagi setiap perkataan dalam ayat.

Walau bagaimanapun kajian Asch dan Nerlove tersebut telah mendapatki kanak-kanak yang berumur 11 hingga 12 tahun boleh menggunakan dengan baik

makna secara fizikal dan juga makna psikologikal bagi perkataan-perkataan tertentu. Tetapi mereka juga telah mendapati bahawa kanak-kanak tersebut masih tidak menguasainya dengan sempurna atau *not perform perfectly*.

Bowerman (1976) juga pernah membuat satu kajian tentang pemerolehan makna atau semantik di kalangan dua orang anak perempuannya Eva dan Christy. Bowerman mendapati bahawa kedua-dua orang anaknya itu menggunakan perkataan *off* secara yang berbeza walaupun kedua-duanya mendapat input bahasa yang sama. Contohnya Eva menggunakan perkataan tersebut pada objek yang ditanggalkan dari badan manakala Christy mempunyai tafsiran yang lebih luas. Christy telah memperluaskan makna *off* kepada situasi yang tidak membawa maksud *off*. Menurut Bowerman wujudnya perbezaan tersebut di kalangan anak-anaknya adalah disebabkan oleh perbezaan cara mereka menyusun pengalaman pada peringkat sebelum berlakunya penguasaan bahasa. Kedua-dua anak Bowerman tersebut telah menggunakan makna kognitif yang berbeza bagi memberi makna perkataan *off*. Oleh kerana berlakunya pendasar struktur kognitif yang berbeza di kalangan kanak-kanak tersebut, maka mereka akhirnya tidak dapat menghasilkan konsep semantik yang sama bagi satu perkataan yang sama walaupun mereka didedahkan dengan input persekitaran bahasa yang sama.

Halliday, seorang tokoh sosiolinguistik menegaskan kepentingan peranan situasi sosial dalam perkembangan bahasa kanak-kanak. Menurutnya interaksi bahasa adalah penting untuk membantu kanak-kanak menguasai sistem bahasa di samping peranan kognitif. Pandangan Halliday tersebut telah menarik minat Well (1981;1985) dan rakan-rakannya untuk menggunakan kerangka teoritis tersebut bagi mengkaji

perkembangan bahasa kanak-kanak prasekolah. Kajian yang dijalankan oleh Well dan rakananya adalah satu kajian longitudinal yakni ia memakan masa yang panjang iaitu lebih kurang satu dekad. Hasil kajian tersebut telah cuba menghuraikan perkembangan semantik dan sintaksis kanak-kanak prasekolah. Dapatan kajian ini telah membuktikan bagaimana latar sosial, attribut warisan seperti jantina, kecerdasan, personaliti dan gaya pembelajaran, situasi dan gaya interaksi bahasa dapat menjadi sumber variasi dalam pemerolehan bahasa. Kajian Well dan rakannya juga telah dapat membongkar bukti-bukti bahawa input linguistik memainkan peranan yang penting dalam perkembangan bahasa kanak-kanak prasekolah.

Selain daripada dapatan kajian oleh Well, beberapa kajian lain telah dijalankan oleh beberapa pengkaji lain untuk melihat struktur input linguistik yang digunakan oleh ibu bapa ketika berinteraksi dengan kanak-kanak. Snow (1972), Newport dan Gleitman (1979) dan Ringler (1978) telah membuat kajian dalam aspek tersebut. Hasil kajian-kajian tersebut telah membuktikan bahawa proses pemerolehan bahasa adalah akibat daripada interaksi penjaga dengan kanak-kanak. Menurut mereka proses interaksi bermula sejak dari peringkat bayi lagi adalah penting. Malah hasil kajian-kajian tersebut juga telah menjelaskan bahawa pemerolehan bahasa adalah dipandu dan dihasilkan oleh perkembangan kognitif (Snow, 1977b; Der Geest, 1977)

Dalam satu kajian lain yang telah dibuat oleh Lebeaux (1988) tentang pemerolehan anafora ke atas kanak-kanak yang berumur 3;3 dan 7;0, dapatan kajiannya seoalah-olah menolak dapatan kajian Asch dan rakanannya. Kajian oleh Lebeaux telah mendapati bahawa kanak-kanak dapat memahami unsur-unsur rujukan

bersama dalam sesuatu ujaran. Jika kita perinci hasil kajian Lebeaux ini, seolah-olah kanak-kanak telah berkongsi pertimbangan seperti orang dewasa. Sebagai contohnya beliau memetik ujaran tersebut:

Mickey is afraid that he might fall down.

He was glad that Donald gor earing.

Dalam contoh ujaran pertama seperti yang tersebut dalam contoh di atas, *Mickey* dan *he* mungkin menjadi satu rujukan bersama ataupun disebaliknya. Tetapi dalam contoh ujaran yang kedua , kanak-kanak mudah memahami maksud penutur yakni yang merujuk kepada dua individu yang berbeza.

Menurut Lebeaux (1988) kanak-kanak telah membenarkan rujukan bersama seperti dalam contoh di atas. Ini bermakna kanak-kanak telah berkongsi pertimbangan seperti orang dewasa iaitu seperti dalam contoh ujaran pertama iaitu *Mickey* dan *he* mungkin menjadi satu rujukan bersama ataupun disebaliknya. Tetapi dalam ujaran yang kedua, kanak-kanak mudah memahami maksud penutur iaitu perkataan *he* dan *Donald* adalah yang merujuk kepada dua individu yang berbeza.

Slobin (1971) telah membuat satu kajian dalam lapangan morfologi khususnya dalam pembentukan kata yang bermakna. Dapatan kajian Slobin telah dapat membuktikan bahawa pada peringkat awal pemerolehan morfologi di kalangan kanak-kanak ialah kanak-kanak sering melakukan generalisasi yang berlebihan. Kanak-kanak memperlihatkan keupayaan mereka untuk membentuk kata-kata yang bermakna dengan peraturan yang tersendiri dan tidak mengikut peraturan nahu yang betul. Misalnya, perkataan kala lampau yang nalar dalam bahasa Inggeris dibentuk dengan menambahkan akhiran “*ed*” kepada perkataan kata kerja. Tetapi tidak semua

perkataan kata kerja dalam bahasa Inggeris mempunyai kata lampau yang nalar. Menurut Slobin (1971) dan Ervin (1964) bahawa kanak-kanak keliru dan telah melakukan satu kesilapan kerana mereka melakukan generalisasi yang berlebihan atau *over generalisation* dalam penguasaan peraturan untuk membentuk kata lampau yang nalar. Sebab itu katanya lagi maka kanak-kanak mengujar:

Ibu bapa : *Did you like the doctor?*
Kanak-kanak : *No, he took a needle and shotted my arm.*

Selain daripada itu menurut Ronald Wardhaugh (1976:151) Slobin (1971) juga mendapati bahawa kanak-kanak menggunakan perkataan *now* dan *yet* untuk menyatakan peristiwa yang lepas (*statements about the past*). Contohnya :

"Children first attach words such as now and yet to statements about the past to indicate the perfect aspect: "I didn't make the bed yet" and "Now I closed it." Later they use "I haven't made the bed" and I've closed it."

Menurut Slobin (1971) bahawa keadaan tersebut di atas berlaku kerana setiap bentuk dan fungsi baru dalam pemerolehan bahasa yang dilalui oleh kanak-kanak adalah berkait rapat dengan peningkatan keupayaan kognitif seseorang kanak-kanak tersebut. Peningkatan keupayaan kognitif akan meningkatkan keupayaan kanak-kanak untuk memperjelaskan sesuatu makna yang baru dan akhirnya mereka dapat menguasai rumus-rumus sintaksis yang lebih baik.

Kajian dalam lapangan morfologi yang pernah dibuat oleh Berko (1958) dengan menggunakan unsur-unsur *nonsense syllables* ke atas kanak-kanak telah mempamerkan satu dapatan yang menggalakkan. Hasil daripada kajiannya itu adalah didadapti bahawa penguasaan morfologi di kalangan kanak-kanak adalah belum mantap. Alasan yang digunakan oleh Berko dengan strategi menggunakan unsur-

unsur *nonsense syllables* ialah jika seseorang kanak-kanak telah menguasai peraturan dalam morfologi maka mereka sepatutnya juga boleh mengaplikasikan pengetahuan tersebut walaupun dalam apa jua situasi bahasa. Namun dalam pemerhatian dan temu bualnya dengan kanak-kanak, beliau mendapati keadaan berikut berlaku:

This a wug. (Disertakan gambar dua haiwan seperti burung rekaan)
Now there is another one.

There are two of them. (Disertakan gambar dua haiwan seperti burung rekaan)

There are two _____.

Tujuan Berko dalam uji kajinya tersebut dengan alat kajian tersebut di atas adalah untuk memberi bentuk jamak bagi kata-kata yang tidak bermakna iaitu *wug*. Menurut Berko sekiranya kanak-kanak tersebut telah menguasai peraturan bahasa bagi membentuk jamak, mereka sepatutnya dapat menjawab *wugs* seperti yang diulaskannya (1958:164):

Jika pengetahuan tentang bahasa Inggeris tidak melebihi daripada menyimpankan kata-kata yang dihafazkan, kanak-kanak mungkin akan menjawab soalan yang kita kemukakan kerana semata-mata tidak pernah mendengar perkataan *wug* malah tidak akan membentuk jamak daripada perkataan tersebut. Ini adalah kerana tiada siapapun pernah memberitahunya sebelum ini.

Begitu jugalah uji kaji Berko yang lain apabila beliau ingin mengetahui penguasaan kata lampau nalar di kalangan kanak-kanak. Seorang kanak-kanak berumur 4 tahun ditunjukkannya dengan sebuah gambar seorang tua yang sedang memutar-mutarkan sesuatu benda atau objek di kepalanya. Kemudian Berko mengatakan:

"This is a man who knows how to gling. He glings every day. Today he glings. Yesterday he _____?"

Dalam kajian Berko adalah didadapti kanak-kanak dengan mudah menyatakan *glinged* sebagai kata penyambut bagi ujarannya. Tetapi apabila orang dewasa yang soal atau diajukan dengan ujaran tersebut, mungkin mereka terpaksa berfikir terlebih dahulu sama ada perkataan yang sesuai ialah *glinged* atau *glang* atau *glung* dan juga mungkin *glought*. Persoalan yang dapat diperolehi oleh Berko melalui kajiannya ini ialah kanak-kanak lebih mudah menggunakan rumus yang digunakannya bagi semua keadaan dari penggunaan rumus tertentu untuk situasi bahasa yang tertentu.

Kajian Berko tersebut mempunyai pertalian yang erat dengan dapatan kajian-kajian yang dilakukan oleh Chomsky (1969), Donaldson dan Wales (1970, Palermo (1973, Major (1974), Maratsos (1974), Baldie (1976), Husdon, Guthrie dan Santilli (1982) bahawa yang menyebabkan kanak-kanak tidak dapat memberi perkataan yang sesuai dalam ujaran ialah kerana mereka belum menguasai sepenuhnya pola tindakan yang kompleks dalam bahasa. Kanak-kanak menurut kajian mereka tidak mampu membuat rumus-rumus pengekalan, konsep, hubungan, pemasukan kelas, pengisiran melalui bahasa sehingga mereka sampai pada peringkat umur perkembangan operasi konkrit iaitu apabila mencapai usia 7 hingga 12 tahun. Kajian-kajian tersebut menjelaskan bahawa proses pemerolehan unsur-unsur bahasa tertentu di kalangan kanak-kanak prasekolah, yakni pada peringkat umur 5 hingga 6 tahun adalah tidak lengkap.

Terdapat juga beberapa kajian lain yang telah dilakukan oleh beberapa orang sarjana berhubung pemerolehan bahasa. Kebanyakan kajian tersebut terutamanya dari segi kebolehan dan keupayaan kanak-kanak memperoleh dan menguasai kosa kata atau aspek semantik bergantung kepada kebolehan semula jadi. Menurut satu kajian

yang dibuat oleh Mc Carthy (1930:504-12) ke atas perkembangan kanak-kanak prasekolah adalah didapati bahawa perbendaharaan kata atau kosa kata kanak-kanak boleh berkembang sekiranya kanak-kanak tersebut didedahkan dengan benda atau persekitaran yang baru. Kanak-kanak berupaya untuk memperolehi lebih banyak kosa kata jika mereka didedahkan dengan pelbagai situasi yang baru dan berubah pada masa-masa tertentu. Dalam kajiannya pada tahun 1954 tentang penguasaan bahasa di kalangan kanak-kanak kulit putih di Amerika Syarikat, beliau mendapati bahawa kanak-kanak perempuan mempunyai sedikit kelebihan dari segi penguasaan bahasa berbanding dengan kanak-kanak lelaki. Dapatan kajian ini mempunyai pertalian yang erat dengan dapatan kajian yang dibuat oleh Atan Long (1978:291).

Pada tahun enam puluhan terdapat sebaris nama sarjana yang telah membuat kajian untuk menghurai perkembangan bahasa secara am dan juga pertumbuhan sistem unsur-unsur bahasa tertentu. Kajian-kajian yang dibuat oleh Braine (1963), Brown dan Fraser (1964) dan Brown, Cazden dan Bellugi (1968) telah mendapati bahawa kanak-kanak meminda hukum-hukum bahasa mereka secara beransur-ansur. Setelah masa berlalu hukum-hukum bahasa tersebut akan menjadi lebih hampir dengan kecekapan bahasa orang dewasa. Dapatan kajian-kajian yang dibuat oleh para sarjana tersebut telah merumuskan bahawa kanak-kanak pada peringkat umur 4 hingga 5 tahun dapat memperolehi kebanyakan daripada struktur-struktur kompleks dalam bahasa ibunda mereka (Brown dan Bellugi, 1964; McNeill, 1966)

Tetapi kajian yang dilakukan oleh Bronson (1965) telah cuba mengalihkan sedikit perhatian kita terhadap pemerolehan bahasa kanak-kanak. Kajian Bronson adalah cuba melihat bagaimana faktor-faktor biologi mempengaruhi perkembangan

bahasa kanak-kanak. Menurut dapatan kajian Bronson (1965:9) adalah didapati bahawa *substrata* kematangan adalah yang menentukan perkembangan sistem saraf pusat dan ia berkaitan dengan pemerolehan bahasa di kalangan kanak-kanak.

Krashen dalam satu kajiannya pada tahun 1973 misalnya telah menunjukkan bahawa lateralisasi serebral tidak memainkan peranan yang penting dalam menentukan pemerolehan bahasa kanak-kanak dalam tempoh kritikal. Walaupun Krashen tidak menolak kemungkinan terdapatnya tempoh kritikal dalam pemerolehan bahasa, tempoh tersebut tidak berkaitan dengan lateralisasi serebal. Dengan perkataan lainnya, Krashen cuba menjelaskan bahawa kelengkapan lateralisasi adalah satu daripada keperluan dalam pemerolehan bahasa di peringkat yang tinggi (1973:23).

Pandangan Krashen tersebut tentunya sedikit sebanyak mempunyai persamaannya dengan pandangan Lenneberge (1967) dalam bukunya *Biological Foundation*. Menurut Lenneberge terdapat satu susunan fisiologi tertentu yang agak unik bertanggungjawab tentang bahasa. Lenneberge melihat bahawa bahasa dan perkembangan pada diri seseorang itu adalah berkait rapat dengan faktor umur dan fenomena kematangan.

Dalam penyelidikan berhubung perkembangan bahasa di kalangan kanak-kanak di Malaysia, penglibatan para sarjana agak berkurang berbanding dari negeri-negeri Barat. Profesor Asmah Hj. Omar (1986) telah membuat satu pemerhatian terhadap bahasa yang digunakan oleh anak-anaknya serta anak saudaranya. Menurut Asmah Hj. Omar bahawa ciri-ciri pertumbuhan dan perkembangan bahasa kanak-kanak adalah berasaskan pendekatan interaksi seperti yang disarankan oleh Halliday (1975). Hasil daripada pemerhatiannya, Asmah mendapati bahawa anaknya (subjek)

telah menggunakan pelbagai cara untuk menimbulkan hubungan sosial melalui bahasa. Antara lain cara yang sering digunakan oleh anaknya melalui pemerhatiannya ialah bercerita, bertengkar atau berbahas, bekerjasama, menyatakan keinginan, menjawab, mengajak, mengkritik, memerintah dan meminta dan bertanya. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat oleh Asmah tersebut juga telah dapat membuktikan bahawa peranan ibu bapa atau orang dewasa dalam persekitaran kanak-kanak memainkan peranan yang amat penting dalam perkembangan bahasa kanak-kanak. Peranan ibu bapa dan orang dewasa dalam perkembangan bahasa tersebut, adalah sebagai model atau tolol (Asmah Hj. Omar, 1986:91).

Walau bagaimanapun dapatan kajian Prof. Asmah tersebut telah memperlihatkan beberapa persamaannya dengan beberapa kajian yang dijalankan oleh Cross (1977), Snow (1977), dan Durkin, Rutter dan Tucker (1982). Begitu jugalah kajian lain yang pernah dibuat oleh French dan Woll (1982), McDonald dan Pien (1982), Hoff-Ginsberg (1983) dan Smolak dan Weinraub (1983). Kajian-kajian tersebut umumnya menunjukkan bahawa ibu bapa kanak-kanak telah membuat beberapa penyesuaian terhadap bahasa mereka dengan bahasa anak-anak mereka supaya ia sesuai dengan perkembangan kognitif dan bahasa kanak-kanak tersebut. Bahasa yang sering digunakan oleh ibu bapa ketika mereka berinteraksi dengan kanak-kanak adalah berbeza mengikut peringkat umur kanak-kanak. Lazimnya ibu bapa akan menggunakan ayat yang lebih panjang, kompleks serta mengandungi banyak ujaran apabila mereka berinteraksi dengan kanak-kanak yang lebih matang. Namun demikian gaya pertuturan yang digunakan dengan kanak-kanak tentunya berbeza dengan gaya yang mereka gunakan dalam perbualan dengan orang dewasa.

Walau apapun yang hendak diperlihatkan melalui kajian-kajian tersebut di atas ialah dapatannya telah membuktikan bahawa anggapan golongan innatis yang mengatakan kanak-kanak mempelajari bahasa daripada input bahasa yang sama dengan pertuturan orang dewasa yang biasa adalah tidak benar. Juga dapatan-dapatan kajian tersebut di atas telah dapat membuktikan bahawa interaksi yang berbeza di antara ibu bapa dengan kanak-kanak telah mengakibatkan perbezaan individu dalam pemerolehan bahasa (Brown, 1973; Cross, 1979; Lieven, 1979). Malah bukti-bukti daripada kajian telah dapat memberi gambaran bahawa ibu bapa mempunyai kesan yang berbeza terhadap keseluruhan perkembangan bahasa kanak-kanak. Contohnya perkembangan unsur-unsur linguistik yang tertentu dalam bahasa kanak-kanak lebih peka terhadap gaya bahasa ibu bapa daripada unsur-unsur yang lain.

Kajian oleh Brown (1973), Dale (1976) dan Owens (1984) telah menguatkan lagi dapatan-dapatan yang terdahulu tentang pemerolehan semantik di kalangan kanak-kanak. Menurut kajian mereka bahawa kanak-kanak hanya memperolehi unsur-unsur tertentu dalam proses pemerolehan bahasa. Kanak-kanak yang mereka kaji telah menunjukkan bahawa mereka hanya memperolehi bentuk kata akar atau kosa kata asasi terlebih dahulu sebelum mereka menguasai unsur-unsur lain dalam bahasa. Ini bermakna bahawa kanak-kanak terlebih dahulu menguasai kata akar sebelum mereka menguasai imbuhan atau morfologi dalam bahasa.

Satu lagi dapatan kajian yang pernah dibuat oleh Smith pada tahun 1973 ialah kanak-kanak tidak dapat menghasilkan kesemua bunyi bahasa asli mereka dengan kebolehan yang sama baiknya. Dapatan kajian ini adalah berhubung dengan satu kajian kes tersendiri tentang sebutan kata oleh kanak-kanak yang memperlihatkan

banyak contoh penggantian. sebagai contoh kita lihat hasil kajian Smith (1973:10) seperti berikut:

Father : Say 'jump'.
Son : [d p]
Father : No jump
Son : [d p]
Father : No jump
Son : [u:li:d di:g n de: d p]
(Only Daddy can say jump)

Daripada kajian yang dibuat oleh Smith tersebut maka jelaslah kepada kita bahawa kanak-kanak sering menggantikan satu bunyi dalam sesuatu perkataan yang tidak dapat difahami secara nyata. Keadaan begini berlaku kerana kanak-kanak mungkin menjangka bunyi lain akan berlaku (asimilasi jangkaan). Contohnya ialah *knife* mungkin disebut oleh kanak-kanak [maip] atau *stop* disebutnya [b p].

Satu lagi kajian yang dibuat oleh Menn (1985) mendapati bahawa kanak-kanak yang diujinya telah menggantikan hentian labial awal dengan [g] apabila kata itu berakhir dengan hentian velar. Dapatan kajiannya adalah satu lagi variasi daripada dapatan kajian oleh Smith. Sebagai contoh (Smith , 1985 : 82):

bug : [glg]
big : [glg]
book : [gUk]
bike : [gjk]
pig : [glg]

2.4 Rumusan

Pemerolehan bahasa seseorang kanak-kanak adalah berasaskan perkembangan kognitif (Piaget, 1952; Sinclair, 1969:189-204; dan 1975:223-37) yang terbentuk melalui tindakan-tindakan mereka terhadap persekitaran di sekeliling mereka. Akibat daripada tindakan tersebutlah maka kanak-kanak memperolehi semantik atau makna

objek serta peristiwa-peristiwa dan kemudiannya dihayati dalam bentuk struktur kognitif (Piaget, 1952). Pendek kata bahawa ahli-ahli psikolinguistik yang berasaskan kerangka Jean Piaget beranggapan bahawa kanak-kanak tidak dapat menggambarkan makna kognitif yang kompleks atau rumit seperti konsep-konsep pengekalan, istilah hubungan dan pemasukan kelas sehingga mereka sampai ke peringkat perkembangan operasi konkrit yakni apabila mereka mencapai usia 7 hingga 12 tahun. Juga adalah didapati bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak tidak berlaku secara sewenang-wenangnya tetapi ia berlaku secara sistematik seperti yang disarankan oleh golongan behaviuorisme (Brown, 1973; Slobin, 1973: 175-208).

Kedua, hasil-hasil kajian Berko (1958), Chomsky (1969), Palermo (1973) dan lain-lain sarjana menunjukkan bahawa proses pemerolehan unsur-unsur bahasa tertentu di kalangan kanak-kanak pada peringkat umur 5 hingga 6 tahun adalah tidak lengkap. Sebagai contoh kajian yang dibuat oleh Sinclair (1969) memperlihatkan bahawa kanak-kanak tidak mampu untuk menggambarkan pola-pola tindakan yang kompleks seperti rumus-rumus pengekalan, konsep, hubungan, pemasukan kelas, pengsiran melalui bahasa. Tetapi apabila kanak-kanak telah mencapai usia 7 hingga 12 tahun (perkembangan operasi konkrit) semua aspek tersebut akan dapat dikuasai oleh mereka.

Ketiga terdapat bukti-bukti yang memperlihatkan bahawa unsur-unsur bahasa yang terlebih dahulu dikuasai oleh kanak-kanak daripada unsur-unsur yang lain. Kajian oleh Smith, 1958,Brown, 1973, Dale, 1976 dan Owens, 1984, dan sarjana-sarjana lain mendapati kanak-kanak terlebih dahulu membentuk kata akar. Pandangan ini secara tidak langsung telah cuba menolak pendapat Chomsky tentang kesejagatan

bahasa manusia. Ini adalah kerana sekiranya terdapat ciri-ciri sejagat dalam proses bahasa (McNeill, 1970; Slobin, 1973) maka kanak-kanak akan menguasai morfologi bahasa terlebih dahulu. Keadaan ini apabila kita tinjau daripada dapatan-dapatan kajian seperti yang terdapat dalam bab ini menunjukkan bahawa hakikatnya kanak-kanak membentuk kata akar atau kosa kata asasi terlebih dahulu berbanding unsur-unsur lain dalam bahasa.

Juga yang boleh kita rumuskan daripada hasil karya dan dapatan kajian ialah hakikat bahawa kanak-kanak lebih mudah memahami bentuk-bentuk perkataan yang tidak bertanda berbanding bentuk yang bertanda (Clark dan Clark, 1968). Selain daripada itu kanak-kanak agak sukar untuk menguasai pernyataan-pernyataan yang menggambarkan maksud “sebab” dan “akibat”.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan reka bentuk kajian dan kaedah pengumpulan data yang digunakan. Tajuk-tajuk perbincangan yang akan dihuraikan dalam bahagian ini merangkumi fasal 3.1 iaitu reka bentuk kajian yang akan membincangkan bentuk kajian dan kemajuan dari peringkat awal hingga ke peringkat akhir kajian ini. Fasal 3.2 adalah fasal yang akan memperlihatkan kaedah mengumpul data. Dalam fasal ini perkara yang akan diperjelaskan ialah kaedah dan faktor-faktor yang diberi perhatian secara eksplisit dalam pemilihan kaedah tersebut. Dalam fasal 3.3 iaitu fasal sampel kajian, pengkaji akan membicarakan subjek-subjek kajian yang digunakan dalam kajian ini. Manakala dalam fasal 3.4, perkara yang akan dibicarakan ialah tentang prosedur kajian. Dalam bahagian ini pengkaji akan menghuraikan prosedur mengumpul data. Fasal akhir iaitu 3.5 adalah yang berkait rapat dengan kaedah menganalisis data. Pengkaji akan membincangkan secara panjang lebar kaedah analisis data yang digunakan dalam kajian ini.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian kes yang bertujuan untuk meninjau pemerolehan bahasa ibunda di kalangan kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang. Oleh yang demikian maka reka bentuk kajian ini adalah kajian deskriptif.

Reka bentuk tersebut dipilih oleh pengkaji untuk tujuan kajian ilmiah ini kerana pengkaji melihat bahawa persoalan pemerolehan bahasa adalah sesuatu yang

amat sukar untuk diukur secara mutlak. Menurut Van Dalen (1979), kajian bercorak deskriptif mempunyai satu kekuatan kerana kajian yang seumpama itu dapat menerangkan fenomena dengan menganalisis data deskriptif yang diperolehi melalui instrumen kajian.

Oleh kerana terdapatnya unsur perbandingan pemerolehan bahasa dalam kajian ini, maka perbincangan ke atas perbandingan pemerolehan tersebut akan dihuraikan secara deskriptif. Penganalisisan secara kuantitatif sepenuhnya tidak dapat dijalankan kerana kajian ini adalah satu kajian kes pemerolehan bahasa kanak-kanak yang melibatkan respondan yang kecil iaitu seorang kanak-kanak Melayu dan seorang kanak-kanak Iban. Bentuk kajian deskriptif yang dipilih ini telah menyebabkan berlakunya kekangan penganalisisan secara kuantitatif. Oleh yang demikian ujian - *t* tidak sesuai digunakan dalam perbandingan tersebut kerana melibatkan respondan yang sedikit. Ujian - *t* ke atas respondan yang amat sedikit adalah tidak *reliable*. Pengkaji sedar tentang kepentingan tersebut, namun kajian kes yang melibat sejumlah respondan yang ramai adalah rumit dan memakan masa yang amat panjang. Pengkaji juga menyedari tentang masalah tersebut dan akhirnya memilih perbandingan hanya secara deskriptif.

Memandangkan kajian ini adalah kajian terdapatnya unsur deskriptif, maka ia akan melibatkan pengumpulan data melalui pemerhatian secara langsung oleh pengkaji ke atas subjek yang dikaji. Namun demikian, oleh sebab beberapa kekangan yang tidak dapat dielakkan, pengkaji telah mengubah strategi pengumpulan data secara langsung dengan strategi secara tidak langsung. Ini adalah kerana daripada percubaan pertama pengkaji sejak 21 Jun hingga 22 Julai 1997, subjek mengalami

masalah untuk bercakap atau berinteraksi dalam bahasa ibunda mereka. Sebab yang pertama ialah kerana kanak-kanak prasekolah berkenaan telah dilatih dan diwajibkan oleh guru prasekolah berkenaan untuk bercakap dalam bahasa Melayu semasa berada di persekitaran Pusat Prasekolah tersebut. Walaupun ada percubaan kanak-kanak tersebut untuk berbual dengan menggunakan bahasa ibunda masing-masing namun ia sering diganggu oleh peraturan penggunaan bahasa Melayu di pusat prasekolah. Inilah yang menyebabkan seringkali mereka memasukkan unsur-unsur bahasa Melayu dalam dialek masing-masing.

Kedua, kehadiran kamera video telah menambahkan kerungsingan kanak-kanak untuk berinteraksi secara bebas. Mungkin mereka melihat objek itu sebagai sesuatu yang asing atau disebabkan oleh gejala *camera shy*. Lantaran itu maka perbualan mereka agak terhad dan menjadi kaku.

Oleh yang demikian maka kajian ini telah diubahsuai dengan menggunakan pemerhatian secara tidak langsung. Pengkaji dengan ini akan mendapat bantuan daripada pihak ibu dan bapa serta ahli keluarga subjek untuk menjalankan sesi interaksi dengan subjek yang dikaji. Penggunaan kamera video tidak dimasukkan dalam alat pengumpulan maklumat tetapi hanya menggunakan alat perakam audio mudah alih.

Untuk memastikan bahawa usaha-usaha mencari jawapan yang selaras dengan soalan-soalan kajian beberapa garis panduan akan dimaklumkan kepada ibu dan bapa yang berkenaan. Pengkaji melihat bahawa garis panduan ini penting kerana kajian ini adalah lebih bercorak satu perbandingan pemerolehan bahasa di antara kanak-kanak

Melayu dan kanak-kanak Iban. Dengan adanya satu garis panduan tersebut maka satu skema interaksi akan dibuat supaya sejajar dengan keperluan kajian.


Dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan instrumen kajian seperti pita rakaman audio. Subjek-subjek yang dibuat pemerhatian secara tidak langsung akan dirakamkan sesi perbualan atau interaksinya dengan persekitaran yang ditetapkan. Subjek-subjek kajian ini terdiri daripada 2 orang kanak-kanak lelaki. Semua kanak-kanak dalam kajian ini tinggal di kawasan Maktab Perguruan Rajang, Bintangor, Sarawak. Maklumat lanjut tentang respondan tersebut terdapat dalam lampiran Rekod Peribadi kanak-kanak Prasekolah Maktab Perguruan Rajang.

Jadual 1 menunjukkan peringkat-peringkat pelaksanaan kajian yang diambil oleh pengkaji untuk melaksanakan kajian ini. Terdapat 3 peringkat utama yang dijalankan oleh pengkaji:-

- a) persediaan-persediaan permulaan;
- b) pengumpulan data;
- c) dan persediaan akhir.

Jadual 1

Reka Bentuk Kajian : Langkah-langkah Perancangan dan Pelaksanaan



Peringkat satu (a) dan peringkat dua (b) merupakan peringkat yang amat penting dalam kajian ini. Peringkat satu (a) iaitu peringkat persediaan-persediaan permulaan menentukan hala tuju kajian ini. Perkara-perkara yang terangkum dalam peringkat satu ini ialah:-

- a) mengenal pasti dan mendefinisikan masalah;
- b) mengkaji bahan-bahan rujukan yang berkaitan;
- c) menentukan prosedur kajian; dan

d) membentuk instrumen kajian.

Tanpa persediaan-persediaan awal seperti yang tersebut di atas kajian ini akan menjadi tidak terarah dan mungkin akan menemui jalan buntu. Sebagai contoh, apabila pengkaji membuat rujukan ke atas karya-karya dan kajian-kajian yang berkaitan seperti dalam (b), ia memberi satu gambaran yang boleh dijadikan sebagai asas teori bagi pengkaji untuk memilih prosedur penyelidikan atau kajian yang dianggap paling sesuai untuk tujuan kajian ini. Kajian kes yang menjadi prosedur kajian yang dipilih ini telah dibuat ke atas perbualan spontan kanak-kanak prasekolah Maktab Perguruan Rajang dalam pelbagai situasi di rumah mereka (di kuarters). Rakaman audio digunakan sebagai bahan yang boleh disemak dan diulang semak oleh pengkaji apabila pengkaji membuat analisis ke atas data tersebut. Setiap subjek akan dirakam sebanyak dua ratus (200) ujaran. Rasional pengkaji menggunakan kaedah atau prosedur ini akan dibincangkan selanjutnya dalam fasal kaedah pengumpulan data kajian iaitu fasal 3.2.

Tugas mengumpul data akan didahului dengan tugas memilih sampel atau subjek kajian. Subjek kajian ini adalah terdiri daripada seorang kanak-kanak Melayu dan seorang kanak-kanak Iban di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang, Bintangor, Sarawak. Subjek yang digunakan dalam kajian ini dipilih secara *purposive sampling procedure*. Oleh yang demikian maka subjek yang dipilih akan mengambil kira aspek-aspek yang berkaitan dengan kajian ini supaya dapat memudahkan data kajian ini diperolehi.

Untuk memilih subjek kajian supaya sejajar dengan kehendak kajian ini, guru prasekolah yang berkenaan telah diminta membantu pengkaji untuk memilih subjek-

subjek yang sesuai seperti subjek yang boleh bercakap tanpa segan silu (petah), lancar dan berkebolehan dan mempunyai kecekapan bercakap dalam bahasa ibunda masing-masing.

Hanya satu jenis data iaitu perbualan kanak-kanak yang dikumpul untuk tujuan kajian ini iaitu perbualan atau interaksi kanak-kanak dalam situasi di rumah bersama emak atau anggota keluarga yang lain. Ini bermakna data yang dikumpulkan dalam kajian ini akan hanya merangkumi situasi-situasi yang tertentu di rumah subjek sahaja. Tidak ada data-data lain atau data di luar persekitaran rumah subjek berkenaan akan diambil untuk tujuan kajian ini. Dengan ini maka pengkaji tidak akan mengumpul data bahasa yang digunakan oleh kanak-kanak ketika mereka berinteraksi dengan guru mereka ketika berada di pusat prasekolah berkenaan.

Penentuan data tersebut adalah disesuaikan dengan bidang tajuk kajian yang menjuruskan kepada pemerolehan bahasa ibunda kanak-kanak. Semua data yang dirakam adalah berkisar ke atas perbualan subjek-subjek kajian ketika mereka berinteraksi dalam situasi di rumah dengan ibu atau anggota keluarga mereka. Rakaman perbualan atau interaksi subjek kajian adalah semasa mereka melakukan aktiviti harian di rumah secara spontan dengan tujuan supaya ia lebih autentik.

Data-data yang dikumpulkan itu akan dianalisiskan secara kualitatif (akan dihuraikan secara yang lebih lanjut dalam 3.5 iaitu fasal kaedah menganalisis data).

3.2 Kaedah Kajian

Berdasarkan beberapa kajian yang pernah dibuat oleh beberapa orang sarjana luar negara (sila rujuk Bab II), jelaslah kepada kita bahawa terdapat dua jenis prosedur kajian yang kerap digunakan untuk kajian tentang pemerolehan bahasa

kanak-kanak. Cara yang pertama ialah secara pemerhatian secara langsung dan spontan terhadap pertuturan kanak-kanak dalam situasi yang sebenarnya (Bowerman, 1973; Berko, 1958; Smith, 1970). Kajian-kajian tersebut telah dijalankan dengan terperinci dengan sampel yang kecil yang terdiri daripada 2 hingga 4 orang kanak-kanak.

Prosedur yang kedua ialah seperti yang pernah dilakukan oleh Berko (1958), Slobin (1971) dan Chomsky (1969). Para pengkaji tersebut telah menggunakan cara eksperimen dengan instrumen khas untuk mendorong kanak-kanak menghasilkan bentuk-bentuk bahasa yang hendak dikaji. Walaupun cara ini nampaknya lebih sistematik kerana menggunakan alat-alat khas, namun cara kedua ini lebih terdedah kepada masalah paradok pemerhati (Labov, 1972:62) daripada kaedah yang pertama.

Juga apabila kita memperincikan daripada beberapa kajian yang pernah dijalankan sebelum ini, setengah pengkaji menggunakan prosedur yang pertama dengan prosedur yang kedua. Sebagai contoh kajian-kajian yang dibuat oleh Bloomfield (1970 dan 1973), beliau membuat pemerhatian secara langsung dan juga memerhati penggunaan bahasa kanak-kanak ketika melaksanakan aktiviti yang telah dirancangkannya.

Setelah mengambil kira pelbagai faktor dan dengan kekangan yang sedia ada, untuk kajian ini pengkaji akan menggunakan pemerhatian secara tidak langsung terhadap penggunaan spontan bahasa kanak-kanak dalam situasi yang semula jadi dan bukan yang distrukturkan (Bowerman, 1973; Brown, 1973; Halliday, 1975). Cara tersebut juga pernah dibuat oleh Atan Long (1970) untuk melihat penguasaan bahasa Melayu asas di kalangan kanak-kanak Melayu tahun satu. Tetapi dalam kajian ini

hanya beberapa aktiviti tertentu sahaja yang dirancangkan terlebih awal oleh pihak pengkaji kepada ibu subjek supaya ruang cakup atau topik perbualan terarah dalam perkara yang tertentu. Dengan cara tersebut maka tidak akan berlaku agenda yang amat berbeda di antara respondan A dengan respondan B. Juga diharapkan aktiviti yang dirancangkan dapat menggalakkan kedua-dua respondan tersebut tidak merasakan bahawa perbualan mereka sedang dirakamkan.

Kajian ini dijalankan secara terperinci terhadap sampel kecil yang terdiri daripada 2 orang kanak-kanak (Wells, 1981). Dalam satu kajian yang dibuat oleh Wells pada tahun 1981, sampelnya hanya terdiri daripada 2 - 4 orang. Oleh yang demikian, pengkaji mengenal pasti seorang kanak-kanak Melayu dan seorang kanak-kanak Iban dalam lingkungan umur yang sama iaitu lebih daripada 5 tahun. Respondan A berumur 5 tahun 9 bulan manakala respondan B berumur 5 tahun 6 bulan pada ketika pemerhatian mula dijalankan.

Kajian ini memusatkan pemerhatian kepada pemerolehan bahasa kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban dari sudut semantik dan sintaksis di antara kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban Prasekolah Mactab Perguruan Rajang. Secara amnya terdapat dua unsur penting dalam kajian ini. Pertama ialah kesahaman yang merujuk kepada semantik dan penghasilan yang merujuk kepada pembinaan ayat atau sintaksis (Clark dan Clark, 1977).

Dengan perkataan lainnya apabila pemerhatian tersebut difokuskan kepada unsur kesahaman subjek, maka ia merujuk kepada kebolehan subjek untuk menangkap makna dan mengujar ayat atau kata-kata yang bermakna ketika mereka sedang berinteraksi. Oleh yang demikian dalam kajian ini subjek itu dianggap sebagai

berkebolehan untuk menghasilkan ujaran atau menguasai kebolehan sintaksis adalah kerana kebolehannya menghasilkan ujaran berdasarkan:-

- a) menyatakan atau mengujarkan sesuatu maksud kepada ibunya yang berinteraksi dengannya dengan menggunakan jenis ayat selapis atau *multiple word sentences* dan ayat berlapis atau ayat majmuk,
- b) menyatakan atau mengujarkan jenis ayat selapis atau *multiple word sentences* dan ayat berlapis atau ayat majmuk berdasarkan pola S-V-O.

Oleh kerana analisis ayat dalam kajian ini adalah berdasarkan pola S-V-O atau berasaskan tatabahasa maka ujaran-ujaran yang terpilih mestilah memenuhi kriteria huraian ayat seperti dalam Bab I (definisi operasional). Dengan perkataan lainnya ayat-ayat yang tidak lengkap atau *elips* (Lyons, 1968) tidak akan dianalisiskan. Walau bagaimanapun ayat-ayat tersebut tidak akan diabaikan tetapi akan diberi perhatian sewajarnya agar dapat dibuat satu kesimpulan tentang unsur-unsur tatabahasa yang sering digugurkan oleh kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban dalam wacana lisan.

Kedua ialah kebolehan subjek untuk memahami pertuturan seseorang yakni yang melibatkan kebolehannya untuk menangkap makna dan memberi gerak balas yang tepat terhadap yang dipertuturkan. Jadi dalam kajian ini seseorang kanak-kanak dianggap telah menguasai dan memahami makna yang terdapat dalam pertuturan orang lain jika mereka memberi gerak balas secara nyata. Contohnya kanak-kanak boleh menyampaikan sesuatu maksud kepada ibunya dengan menggunakan perkataan yang sesuai dan bermakna atau memperihalkan objek-objek yang diberi dengan

menggunakan perkataan-perkataan yang berkaitan dengan objek (medan semantik) atau golongan kosa kata aktif.

Pengkaji juga sedar bahawa terdapatnya beberapa sumber variasi dalam bahasa kanak-kanak (Wells, 1979). Sumber-sumber tersebut adalah jantina, latar belakang sosial dan interaksi linguistik. Namun sumber variasi tersebut tidak difokuskan dalam kajian ini kerana konstrain masa. Fokus kajian hanya terhadap pemerolehan bahasa dari aspek sintaksis dan semantik dengan memokuskan pola ayat, jenis ayat, medan semantik dan golongan kosa kata aktif. Walau bagaimanapun dalam perbincangan rumusan kajian, pengkaji akan menyentuh sumber variasai tersebut dengan beberapa dapatan kajian yang berkaitan.

3.2.1 Instrumen Kajian

Terdapat lima jenis aktiviti telah dirancangkan untuk tujuan kajian ini. Kesemua aktiviti tersebut adalah yang berkaitan dengan aktiviti harian mereka di rumah ketika bersama dengan ibu mereka. Aktiviti-aktiviti tersebut disediakan hanya untuk memotivasi kanak-kanak supaya berinteraksi secara spontan dengan menggunakan bahasa ibunda mereka. Aktiviti-aktiviti yang dirancangkan untuk tujuan kajian ini ialah:-

- a) ketika makan
- b) ketika berbual tentang satu peristiwa di pusat prasekolah
- c) berbual dengan ibunya tentang pengalaman bermain basikal dengan rakan-rakannya
- d) berbual tentang satu siri katun (*Power Rangers*)

Sebelum sesi perbualan dimulakan pengkaji akan menjelaskan tasauwur ataupun ruang cakup yang dimaksudkan dengan topik-topik yang dijadikan pokok perbualan. Sebagai garis panduan untuk mengendalikan sesi tersebut satu taklimat ringkas diberikan kepada ibu atau bapa subjek. Antara garis panduan atau senarai semak tersebut adalah seperti dalam Jadual 2.0

Jadual 2.0

Garis Panduan/Senarai Semak Sesi Perbualan Dengan Kanak-kanak

Ketika makan	<ul style="list-style-type: none">• tanya tentang jenis lauk pauk• berbual dengan abang/kakak tentang makanan• tentang kelazatan lauk/ mengapa minat• mengapa harus makan cara yang betul• suruh bercerita tentang makanan di prasekolah• bercerita tentang cara mereka makan di prasekolah• dan sebagainya
Peristiwa di Prasekolah	<ul style="list-style-type: none">• disuruh bercerita tentang satu perkara/hal yang dilakukannya dan rakan• menceritakan pengalamannya/atau dengan rakannya ketika bermain di tempat permainan aktif di luar bilik• bercerita tentang peristiwa rakan/rakan-rakannya ketika melakukan aktiviti• bercerita tentang guru atau guru pembantu ketika bersama menjalankan aktiviti• dan peristiwa-peristiwa lain yang dicerita sendiri oleh kanak-kanak
Pengalaman bermain basikal	<ul style="list-style-type: none">• bercerita tentang basikal - ciri-ciri basikalnya yang hebat daripada rakannya• suruh mengisahkan satu ceritanya ketika bermain dengan rakan• suruh kanak-kanak membuat perbandingan basikalnya dengan rakannya (*saiz; cantik; laju dll)• impiannya jika membeli yang baru - besar; cantik; laju• dan kisah-kisah lain tentang basikal yang diceritakannya
Siri Power Rangers	<ul style="list-style-type: none">• watak yang diminati• suruh kanak-kanak bercerita tentang kehebatan watak• bercerita tentang satu episod <i>power rangers</i>• tanya kanak-kanak sama ada dia ingin jadi seperti hero• jika abangnya jadi watak penjahat, apa hero (dia) buat?• dan segala cerita yang berkaitan berdasarkan kreativiti kanak-kanak.

Garis panduan atau senarai semak seperti dalam jadual 1.0 adalah sebagai panduan untuk orang dewasa atau ibu atau bapa yang menjalankan sesi perbualan dengan kanak-kanak. Ia bukanlah merupakan satu panduan yang akan dipatuhi secara total atau diikuti secara mutlak oleh ibu atau bapa yang mengendalikan sesi tersebut. Ibu atau bapa yang terlibat akan boleh memulakan dari mana-mana bahagian atau mana-mana aspek asalkan topiknya tidak menyimpang. Walau bagaimanapun penyimpangan yang sedikit tidak menjadi halangan kerana individu yang sedang diajak berinteraksi ialah kanak-kanak yang sememangnya mempunyai emosi dan keinginan yang tidak menentu. Ibu bapa telah diingatkan supaya boleh menarik semula perbualan kepada aspek yang difokuskan seboleh-bolehnya setelah dapat mententeramkan atau mendorong kanak-kanak untuk bercakap seterusnya.

Pengkaji menyediakan topik-topik tersebut adalah sebagai satu lapangan yang menjadi pokok perbincangan di antara ibu dengan anak mereka. Juga dengan cara tersebut pengkaji boleh melihat dari aspek medan semantik kanak-kanak secara yang lebih jelas kerana kanak-kanak akan bercerita melalui pengetahuan dan pengalaman bahasanya tentang topik yang diberikan.

Setiap kali sesi perbualan tersebut akan dibuat rakaman audio sebagai landasan penyimpanan data untuk tujuan penganalisisan yang lebih merangkumi. Oleh kerana terdapat sebanyak 4 aktiviti yang dirancangkan, bermakna ada sebanyak empat sesi rakaman ke atas perbualan kanak-kanak akan dilakukan.

3.3 Sampel Kajian

Subjek-subjek dalam kajian ini terdiri daripada seorang kanak-kanak Melayu dan seorang kanak-kanak Iban yang berumur lebih daripada 5 tahun. Subjek A (kanak-kanak Melayu) semasa pemerhatian ini dimulakan berumur 5 tahun 9 bulan manakala subjek B (kanak-kanak Iban) berumur 5 tahun 6 bulan.

Semua subjek dalam kajian ini adalah kanak-kanak dari Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang, Bintangor, Sarawak. Terdapat seramai 20 kanak-kanak di pusat prasekolah berkenaan semasa kajian ini dibuat pada tahun 1997. Daripada jumlah kanak-kanak di pusat prasekolah berkenaan, pengkaji telah membuat pemilihan ke atas subjek secara *purposive sampling procedur* dengan harapan supaya lebih menepati kehendak kajian ini. Menurut Louis Cohen dan Lawrence Manion (1996:89):

"In purposive sampling, researchers hand-pick the case to be included in the sample on the basis of their judgement of their typicality. In this way, they build up a sample that is satisfactory to their specific needs."

Pengkaji secara sengaja atau secara sedar memilih kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban yang berumur dalam lingkungan yang hampir sama. Pemilihan secara sedar ini dibuat adalah berdasarkan soalan kajian ini supaya memenuhi keperluan kajian dengan sampel yang terhad. Dari sudut yang lainnya pula kedua-dua subjek tersebut walaupun tidak sama tepat dari segi umur, kedua-duanya mempunyai perbezaan umur yang sedikit sahaja berbanding kanak-kanak yang lain. Selain daripada itu kedua-dua subjek tersebut mempunyai atau memenuhi kriteria yang berkaitan dengan kajian yang dibuat oleh pengkaji.

Jika pemilihan subjek kajian ini dibuat secara *random procedure* masalah mungkin berlaku dari segi kebolehan kanak-kanak yang tidak menepati kehendak soalan kajian. Dengan cara tersebut pengkaji tidak dapat memokuskan perinciannya kerana kriteria subjek yang dipilih tidak menepati kehendak soalan kajian.

Huraian tentang subjek adalah seperti Jadual 3.0 berikut:

JADUAL 3.0
Subjek Dalam Kajian

Mengikut Umur, Kedudukan dalam keluarga, dan Latar Belakang Keluarga

Subjek	Umur	Kedudukan Dlm Keluarga	Pekerjaan Bapa	Pekerjaan Ibu
Subjek A	5;9	5	Pensyarah	Suri rumah
Subjek B	5;6	5	Pensyarah	Suri rumah


3.4 Prosedur Pemerhatian dan Mengkod Data

3.4.1 Prosedur Pemerhatian.

Prosedur kajian ini dilaksanakan melalui pemerhatian secara tidak langsung penggunaan bahasa dalam situasi tidak berstruktur di rumah subjek. Gambar rajah 4.0 di bawah menjelaskan carta aliran kerja teknik pengumpulan maklumat menggunakan teknik pemerhatian.

Gambar Rajah 4.0

Carta Aliran Kerja Teknik Pengumpulan Maklumat



Kanak-kanak dalam kajian ini ditetapkan dengan aktiviti-aktiviti tertentu ketika berinteraksi dengan ibu mereka. Guru prasekolah dan guru pembantu atau mana-mana pihak tidak dibenarkan campur tangan dalam perbualan kanak-kanak tersebut. Kehadiran orang dewasa atau ibu kanak-kanak dalam interaksi kanak-kanak tersebut hanya sebagai penggalak atau untuk memotivasi kanak-kanak untuk bertutur sahaja. Tidak ada struktur-struktur interaksi yang ditetapkan dalam sesi tersebut.

Dengan menggunakan ibu subjek untuk berbual dengan kanak-kanak maka mereka akan bebas untuk melakukan interaksi dalam bahasa ibunda mereka masing-masing. Campur tangan orang dewasa lain selain daripada ahli dalam keluarganya akan menyebabkan kanak-kanak segan untuk berbual.

Keseluruhan pemerhatian secara tidak langsung tersebut di atas dirakam melalui pita rakaman audio (mudah alih). Setiap sesi perbualan dan rakaman bagi setiap orang kanak-kanak akan dirakam. Oleh kerana kajian ini hanya meliputi 200 ujaran kanak-

kanak dalam pelbagai situasi, maka setiap orang kanak-kanak akan mengambil keseluruhan masa sekurang-kurangnya 1½ hingga 2½ jam untuk mendapat satu rakaman yang baik. Walaupun jangka masa tersebut agak panjang, namun dalam bentuk rakaman yang terpilih mungkin setiap orang kanak-kanak akan mengambil ruang rakaman selama ½ hingga 3/4 jam.

Perbualan atau ujaran kanak-kanak dalam kajian ini diambil ketika kanak-kanak tersebut berinteraksi dengan ahli keluarganya atau mana-mana orang dewasa semasa mereka sedang menjalankan aktiviti-aktiviti yang ditetapkan oleh pengkaji.

Walau bagaimanapun sebelum rakaman perbualan kanak-kanak dengan ibu mereka dijalankan, pengkaji telah berjumpa dengan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak di rumah mereka untuk menjelaskan tujuan kajian ini. Juga pengkaji dengan kesempatan tersebut telah menerangkan beberapa perkara berhubung dengan cara kajian ini dijalankan. Dengan membuat penerangan cara kajian ini dilakukan, ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut faham dengan lebih jelas lagi tentang “bilakah” dan “apakah” yang akan mereka perbualkan dengan anak-anak mereka.

Pemerhatian secara tidak langsung mengambil masa yang singkat sahaja. Jangka masa pemerhatian tersebut hanyalah dalam 1 bulan. Jadual pelaksanaan pemerhatian dinyatakan dalam Jadual 5.0.

Jadual 5.0
Jadual Pemerhatian Penggunaan Bahasa di Rumah
(Pemerhatian secara tidak langsung)

Bil	Tarikh	Situasi Pemerhatian	Subjek A	Subjek B
1	12 Ogos 1997	Peristiwa di Prasekolah	[redacted]	
2	13 Ogos 1997	Peristiwa di Prasekolah	[redacted]	
3	19 Ogos 1997	Ketika makan	[redacted]	
4	20 Ogos 1997	Ketika makan	[redacted]	
5	27 Ogos 1997	Pengalaman main basikal	[redacted]	
6	28 Ogos 1997	Pengalaman main basikal	[redacted]	
7	15 Sept., 1997	Siri <i>Power Rangers</i>	[redacted]	
8	16 Sept., 1997	Siri <i>Power Rangers</i>	[redacted]	

3.4.2 Prosedur Mengkod Data

Semua rakaman yang dibuat melalui pemerhatian tidak langsung yang tidak berstruktur di rumah subjek tersebut ditranskripsi secara ortografi atau secara ejaan oleh pengkaji. Untuk memudahkan kerja-kerja tersebut pengkaji akan dibantu oleh guru pelatih di Maktab Perguruan Rajang yang berketurunan Iban. Cara tersebut adalah sesuai kerana untuk membuat transkripsi bahasa Iban memerlukan penuturnya sendiri supaya lebih peka dan teliti terutama dari segi ejaan dalam bahasa Iban. Pengkaji walaupun boleh memahami bahasa Iban, kebolehannya untuk menangkap ujaran kanak-kanak masih kurang baik kerana bahasa kanak-kanak berbeza dengan bahasa Iban orang dewasa.

Prosedur mengkod ujar kanak-kanak dalam interaksi tersebut diuraikan dalam

3.4.2.1 dan 3.4.2.2.

3.4.2.1 Prosedur Mengkod Ujaran Kanak-kanak

Pertuturan atau ujaran kanak-kanak dikodkan mengikut kerencaman sintaksis yang ditaksirkan melalui min panjang ujaran atau *mean length of utterance* (MLU) dan sebarang kata-kata yang bermakna (kata nama dan kata kerja yang difahami).

Ujaran kanak-kanak yang menggunakan ayat yang mengandungi kata nama (subjek) dan kata kerja (objek) akan dikodkan dan ditranskripsikan. Ujaran yang bermakna tetapi hanya mengandungi satu perkataan akan dikodkan bukan untuk tujuan penelitian aspek sintaksis tetapi dikodkan hanya untuk melihat makna atau aspek semantik.

3.4.2.2 Prosedur Mengkod Ujaran Pihak Lain Yang Terlibat

Pertuturan atau ujaran mana-mana pihak yang terlibat dalam interaksi subjek ini akan dilihat dua aspek; pertuturan yang ditujukan kepada kanak-kanak dan pertuturan yang ditujukan kepada pengkaji dan pembantunya (jika berlaku). Dalam hubungan ini hanya pertuturan atau ujaran yang pertama sahaja dikodkan. Tujuan mengkodkan ujaran pihak-pihak lain yang terlibat dalam kajian ini (ibu subjek) adalah untuk memudahkan pengkaji dan pembaca melihat hubungan secara nyata dari segi kefahaman subjek dan juga kebolehan mereka membentuk ayat.

3.5 Kaedah Menganalisis Data

Analisis data dibuat secara kualitatif. Analisis data merupakan satu proses yang sistematis. Ia melibatkan proses mencari dan menyusun maklumat daripada transkripsi-transkripsi perbualan atau interaksi subjek yang telah dikumpul untuk meningkatkan kefahaman terhadap maklumat tersebut. Selain daripada itu ia juga digunakan oleh

pengkaji untuk dipersembahkan kepada pembaca untuk mendapat reaksi dan pandangan yang membina.

3.5.1 Kaedah Analisis Secara Kualitatif

Analisis bentuk ini dibuat terhadap pertuturan atau ujaran kanak-kanak dan mana-mana pihak yang terlibat dalam interaksi kanak-kanak tersebut untuk menghuraikan jenis ayat dan golongan kosa kata asasi yang digunakan oleh kanak-kanak yang dikaji. Segala ujaran kanak-kanak dalam kajian ini akan dicatatkan dan diklasifikasikan dari segi sintaksis dan juga semantiknya.

Penelitian tentang ciri-ciri sintaksis dan semantik juga dibuat terhadap ujaran yang dicetuskan oleh kanak-kanak dan mana-mana pihak yang terlibat. Setiap ciri tersebut kemudiannya dicatat dan diklasifikasikan dan diambil peratusannya untuk memudahkan perbandingan di antara subjek A dan subjek B. Dengan perkataan lainnya analisis data secara kualitatif akan melibatkan satu proses yang sistematik mencari dan menyusun maklumat daripada transkripsi perbualan.

Secara keseluruhannya analisis data melibatkan pengkaji untuk melalui perkara-perkara berikut :-

- a) memahami data
- b) mengolah data
- c) memecahkan data kepada kategori
- d) membuat sintesis
- e) mengenal pasti pola
- f) mendapatkan perkara yang penting
- g) menetapkan perkara yang perlu diketahui

- h) menetapkan apa yang perlu diketahui
- i) menetapkan apa yang perlu dilaporkan

Walaupun dalam teknik menganalisis data kajian secara kualitatif mempunyai dua cara, pengkaji akan memilih salah satu daripada cara tersebut. Dua cara yang dikenal pasti ialah :-

- a) analisis semasa di lapangan (*Analysis in the field*)
- b) analisis selepas pegumpulan data.

Dalam hubungan ini pengkaji akan menggunakan teknik yang kedua iaitu membuat analisis selepas pengumpulan data dibuat. Rasionalnya pengkaji membuat analisis selepas pengumpulan data ialah kerana tidak mahu mengganggu tumpuan subjek.

Oleh kerana teknik menganalisis data ialah selepas pengumpulan data dibuat maka pengkaji telah melalui aktiviti-aktiviti berikut:-

- a) membuat salinan dan simpan satu salinan
- b) membaca keseluruhan transkripsi
- c) membina kategori berdasarkan transkripsi
- d) menyenaraikan kategori sintaksis dan semantik atau kumpulan kategori sintaksis dan semantik yang berkaitan
- e) membaca transkripsi dan menandakan setiap ayat dan perkataan dengan kategori yang bersesuaian
- f) mengasingkan unit data mengikut kategori
- g) menandakan unit data yang telah diasingkan
- h) menulis laporan

Untuk memudahkan analisis data kualitatif aspek sintaksis kajian ini adalah berdasarkan Jadual 6.0:-

Jadual 6.0

Bil	Ayat / Ujaran yang dilafazkan oleh respondan (Ayat lengkap yang berdasarkan pola S-V-O)	Jenis Ayat atau Golongan Ayat		Pola Ayat Berdasar S-V-O			
		S/L	B/L (M)	FN	FN	KT	KT
			+	+	+	+	+
			FK	FK	FN	FN	FN
				+	+	FK	+
				FN	FK	FK	FN
JUMLAH :							
PERATUS :							

Berdasarkan Jadual 6.0 di atas, pengkaji akan membuat analisis data yang diperolehi satu persatu ke atas respondan dengan membuat perincian pola-pola ayat berdasarkan S-V-O. Setiap ujaran atau ayat yang bermakna dicetuskan oleh respondan dikategorikan berdasarkan kriteria yang ditetapkan di atas.

Manakala untuk menganalisis dan mengkategorikan semantik dalam kajian ini adalah berdasarkan:-

- a) golongan kata nama am
- b) golongan kata nama khas
- c) golongan kata kerja
- d) golongan kata sifat / adjektif
- e) golongan kata bilangan / masa
- f) golongan kata tanya